

TERBUKA,
LANTANG,

**MEREKA YANG
MENGATASI
CABARAN**

Pelbagai kisah, bergabung dalam satu kebenaran

YAKIN

Mereka Yang Mengatasi Cabaran

Terbuka, Lantang dan Yakin

Pelbagai kisah, bergabung dalam satu kebenaran

**Mereka Yang Mengatasi Cabaran:
Terbuka, Lantang Dan Yakin**

Edisi Pertama: Jun 2022 (Bahasa Inggeris)
Dis 2024 (Bahasa Malaysia)

Diterbitkan oleh:
PLUC

Semua hak terpelihara. Selain petikan bagi tujuan ulasan, dilarang mengeluarkan, menguar-uarkan atau berkongsi mana-mana isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk atau dengan apa cara sekalipun, tanpa mendapatkan izin bertulis terlebih dahulu daripada penerbit asal.

Semua petikan Alkitab suci, selain yang dinyatakan, dipetik daripada Alkitab Versi Borneo © Borneo Sabda Limited.

Muka depan & Ilustrasi:
Chew Yui-Y

Atur huruf:
Tiffany Chee

Penyunting terjemahan:
Thye Huat Lai

KANDUNGAN

Pengenalan	5
Dicipta Menurut Imej Tuhan	8
Anak Tuhan	17
Yang lama sudah berlalu, yang baharu sudah datang	26
Kebenaran akan membebaskanmu	36
Tidak terbiar mahupun ditinggalkan	46
Tidak musnah, tetapi terpilih	54
Pembaharuan fikiran	66
Memulihkan tahun-tahun yang telah disia-siakan	78

Pengenalan

Koleksi kisah-kisah yang disusun oleh PLUC (Pursuing Liberty Under Christ) ini adalah didedikasikan kepada pimpinan Tuhan ke atas pelayanan ini sepanjang 20 tahun. PLUC telah menyelami perjalanan mengiringi individu-individu yang menghadapi masalah identiti jantina, juga mereka yang telah cuba melalui kehidupan keseksualan alternatif namun berhasrat pulang kepada jalan Tuhan, dan juga keluarga-keluarga yang mengalami kesengsaraan akibat pilihan hidup orang kesayangan mereka. Setiap kisah ini mempunyai perjuangan dan pahit manisnya yang tersendiri, dan nasihat yang dapat kami berikan kepada mereka sentiasa berdasarkan kebenaran Alkitab, dengan disulami kelembutan dan keredaan.

Pengalaman-pengalaman yang diceritakan kepada kami ini direkodkan dalam bentuk cerita, dan sebenarnya ianya ingin menyampaikan mesej bahawa *"Transformasi adalah satu kemungkinan"* dengan adanya Kristus. Ini bukanlah bermakna pada semua ketika kami akan berpisah kepada mana-mana pencerita ini, namun demikian, semua kisah-kisah di sini bersatu menegakkan satu kebenaran dan peringatan yang membawa maksud *"dalam segala hal kami dihipit, tetapi tidak hancur. Kami bingung, tetapi tidak putus asa. Kami dianiaya, tetapi tidak ditinggalkan. Kami dijatuhkan, tetapi tidak dimusnahkan."* (2 Korintus 4: 8-9).

²⁷Maka Allah
menciptakan manusia
menurut gambaran-Nya.
Menurut gambaran Allah,
Dia mencipta mereka, lelaki
dan perempuan.

Kejadian 1:27

Dicipta Menurut Imej Tuhan

Lama sebelum budaya berpakaian silang dan transeksual menjadi sesuatu yang lebih diterima ramai, Emmanuel telah pun tidak takut mencabar kelaziman zaman itu. Akan tetapi dia masih takut kepada SATU benda - roh dari alam lain. Selepas pernah terserempak dengan sesuatu yang dikatakannya sebagai hantu, dia telah meminta seorang kawan membantunya menghalau 'hantu' yang mana akhirnya, ini telah membawanya melawat sebuah gereja. Di sana, Roh Kudus pula sebaliknya telah menemuinya - dan di situlah bermulanya pemulihan identiti Emmanuel.

Nama individu tertentu dalam cerita ini telah diubah demi melindungi kerahsiaan peribadi mereka.

Menyentuh bab perkara-perkara ghaib, saya percaya akan wujudnya sumpahan turun-temurun dalam keluarga saya - nenek saya dahulu - seorang pengantara bagi orang halus dengan manusia, dan ramai sanak saudara saya juga mengamalkan ilmu hitam. Datuk dan nenek sebelah ibu pula membabitkan diri dengan ceti haram dan menjadi bapa/ibu ayam di kelab malam. Impaknya selain terhadap saya yang pernah terjebak dengan gaya hidup transeksual, ada seorang lagi daripada adik-beradik saya yang juga seorang bekas homoseksual. Dia telah pun diampuni Tuhan sebelum meninggal dunia - dan ada seorang lagi adik-beradik saya yang masih homoseksual. Saya percaya situasi keluarga saya ini sedikit sebanyak telah dipengaruhi oleh sejarah silam keluarga besar kami.

Sejak kecil, saya memang menaruh minat memakai pakaian ibu dan juga memakai mekap. Saya amat suka mendengar bunyi kasut bertumit tinggi! Seperti kebanyakan ibubapa pada zaman itu, ibubapa saya juga tidak membenarkan saya membeli anak patung atau boneka kertas dan mainan masak-masak kerana itu bukanlah jenis permainan yang sesuai untuk anak lelaki. Kekurangan kesedaran dan ilmu pendidikan telah menjadikan mereka tidak berdaya untuk membantu saya berubah dengan berkesan.

Tambahan lagi, saya ini dilahirkan sebagai seorang yang bersifat beria-ia, dan saya tidak akan teragak-agak untuk mencuba sesuatu dan akan terus melakukan apa sahaja yang saya inginkan. Saya tidak kisah. Saya akan memakai kasut bertumit tinggi dan baju perempuan ke kolej walaupun dimarahi - pandai-pandailah saya mencari jalan keluar kerana sebenarnya bukannya ada peraturan bertulis yang melarang begitu. Semakin kerap saya memakai baju perempuan, semakin itulah saya menanam

keinginan menjadi seorang wanita. Saya merasakan diri seakan-akan sudah silap dilahirkan dalam tubuh yang saya ada ini!

Nak jadi seorang wanita

Walaupun saya mampu merasakan diri seperti seorang wanita, namun saya sedikit pun tidak tertarik kepada kaum ini. Saya akan terangsang apabila ternampak bapa saudara saya keluar dari bilik mandi dengan dada terdedah, atau apabila melihat gambar lelaki separuh bogel. Bila saya berpakaian silang, saya pun akan hanya mencari atau berdating dengan lelaki sahaja. Ini semua memang agak mengelirukan tetapi akhirnya, dengan kemajuan teknologi, saya menemui satu jalan penyelesaian!

Memandangkan saya telah pun berkelakuan seperti perempuan hampir sepanjang hidup sehingga kini, mengapa tidak jika saya terus sahaja menjadi perempuan? Saya pun mula mengambil pil hormon untuk mengubah suara dan bentuk tubuh, untuk kulit yang lebih licin, dan saya juga mengambil pelbagai jenis suplemen atau makanan tambahan untuk mengekalkan tubuh yang kental. Dalam masa sepuluh tahun, saya telah pun melalui beberapa pembedahan menanam implan dan pelbagai prosedur untuk mendapatkan bentuk rupa yang lebih kewanitaan. Bukan mudah, tetapi saya bersungguh-sungguh mengekalkan ukuran pinggang 24 inci, dada saiz 33, dan peha 36 inci.

Seterusnya, saya menjadi idaman lelaki-lelaki yang menganggap diri mereka biseksual. Mereka lebih gemar berhubungan seks dengan perempuan transeksual kerana saya memang tahu bagaimana hendak memuaskan mereka secara intim. Saya pula kuat mengambil dadah ketika itu, dan nafsu saya sentiasa kuat, maka melayani lima hingga

enam orang dalam satu hari adalah amat biasa buat diri saya. Pada suatu ketika, saya pernah melayani sehingga sepuluh orang lelaki dalam satu hari tetapi mereka semua tidak pernah ada penembusan, memasukkan kemaluan mereka - bila saya fikirkan semula, ini sebenarnya telah menyelamatkan saya daripada pelbagai penyakit.

Saya menghentikan diri daripada menjalinkan hubungan serius dengan sesiapa pun selepas mengalami banyak peristiwa di mana saya ditinggalkan oleh bekas-bekas teman lelaki saya apabila mereka tiba-tiba sahaja memutuskan untuk kembali menjadi 'lurus' dan memulakan keluarga mereka sendiri secara sihat.

Namun, lama-kelamaan, gaya hidup saya ini menjadi agak membosankan. Saya mula merasa penat dan saya semakin kerap kali berfikir "*Alangkah bagus kalau adanya Tuhan yang boleh membantu saya keluar daripada ini...*" Walaupun begitu, sepanjang hidup saya, saya sememangnya tidak percaya dengan kewujudan mana-mana kuasa dan selalunya saya akan fokus kepada diri, saya, dan sendiri - kerana saya ini 'unik lainnya', dan walaupun saya inginkan sesuatu, saya sememangnya beranggapan yang diri saya sendiri yang patut perlu berusaha untuk mendapatkannya. Saya bergantung pada diri saya sendiri, tambahan pula, saya tidak kisah pun apa yang orang lain fikirkan tentang diri saya ini.

Bertemu dengan Roh yang benar

Saya pernah mengalami beberapa situasi seram di rumah, ada kalanya saya rasa seperti ada lembaga berbulu cuba mengejar saya keluar dari rumah. Saya akan sentiasa terdengar suara orang bercakap dan bertengkar (dengan saya sebagai alasannya) tetapi saya sebenarnya tinggal seorang diri sahaja. Saya bahkan mampu mengangkat barang-barang berat dalam rumah yang memerlukan tenaga dua orang, dan saya merasakan seperti ada sesuatu yang membantu saya melakukannya. Ya, saya sememangnya kurus ketika itu. Saya pun bergegas ke rumah ibu tetapi ibu mengatakan saya ini berhalusinasi disebabkan dadah yang saya ambil. Saya amat takut ketika itu.

Tiba-tiba pada suatu hari, seorang rakan lama mengajak saya keluar makan tengah hari bersama. Saya sudah banyak kali menolak pelawaannya, tetapi akhirnya saya bersetuju untuk menemuinya kali ini - dalam fikiran saya, manalah tahu, mungkin dia dapat menolong saya melenyapkan 'hantu-hantu' itu. Selepas makan tengah hari, dia mengajak saya ke gereja dan memandangkan saya agak lapang hari itu, saya pun bersetuju menemaninya. Si-Pengkhotbah pada hari itu berkongsi mengenai pengalaman silamnya dengan ilmu sihir. Wow, saya agak terkejut dengan kebetulan ini dan saya mengharapkan lelaki itu dapat menolong saya. Apa yang lebih sukar dipercayai bagi saya ialah melihat bagaimana jemaah gereja ini yang mereka langsung tidak berubah raut muka atau membelek mata, apabila saya berjalan masuk ke gereja dan lalu di hadapan mereka dengan berpakaian yang sangat sedikit serta menjolok mata. Sebaliknya, mereka ramah mesra dan mengalu-alukan kedatangan saya.

Perasaan ingin tahu saya bangkit dan pada keesokan harinya, saya pergi ke gereja itu lagi. Sejurus kemudian, teman saya itu berkongsi dengan saya gambaran keseluruhan ringkas mengenai Alkitab. Pada suatu ketika tidak lama kemudian, saya pergi ke satu perhimpunan kerohanian dan akhirnya saya menerima Tuhan Yesus sebagai Penyelamat saya. Saya mula mempelajari Firman Tuhan, menghadiri kebaktian gereja dan perjumpaan sel kelompok kecil secara tetap dan saya mula merasakan sesuatu yang baharu hadir dalam diriku. Saya juga tidak lagi menemui benda-benda ghaib selepas itu.

Perubahan 180 darjah

Walaupun saya sudah bertemu dengan Tuhan Bapa, Anak, dan Roh Kudus, saya sebenarnya tidak berubah serta-merta. Ketika itu, saya meneruskan berpakaian sebagai wanita kerana saya berpendapat bahawa gereja seharusnya menerima diri saya sendiri yang seadanya. Namun, walaupun jemaah langsung tidak menimbulkan apa-apa persoalan tentang hal saya ini, Tuhan telah memperlihatkan kepada saya bahawa saya sebenarnya perlu mengubah penampilan fizikal jika saya ingin melepaskan kehidupan diri yang transeksual. Saya seharusnya membuang implan pada badan saya, tetapi saya pula tidak mempunyai wang yang cukup untuk melakukannya. Saya memilih untuk mempercayai Tuhan dan teruskan berdoa.

Setelah menyatakan niat saya ini kepada pemimpin sel kelompok kecil saya (yang kemudian memaklukkannya kepada seorang pastor), gereja digerakkan bersama-sama dengan segera untuk mengumpulkan dana untuk kegunaan saya. Saya juga menghentikan terapi hormon kerana saya tahu bahawa saya tidak mampu menanggung kosnya dalam jangka masa yang panjang. Saya menjadi

sukar mahu melihat diri saya dalam cermin dengan menyaksikan struktur tulang saya yang semakin melebar dan lebih maskulin. Bila pergi ke tandas lelaki, saya berasa janggal, dan membeli pakaian lelaki menjadi suatu pengalaman yang sungguh aneh.

Sebaik sahaja implan saya dikeluarkan, saya menerima panggilan daripada pastor menanyakan sama ada saya berminat untuk bekerja di gereja. Ini adalah sesuatu yang saya tidak pernah jangkakan. Satu-satunya ilmu yang saya miliki mengenai apa-apa pekerjaan selama ini hanyalah berkaitan dengan perundingan fesyen, seni kreatif. Rupa-rupanya para pemimpin gereja telah pergi ke gunung doa dan pastor itu menerima inspirasi daripada Tuhan supaya mengambil saya bekerja di gereja. Biasalah, banyak juga halangannya. Saya ditemu ramah berulang kali untuk berbincang terutamanya tentang perangai dan sikap saya yang tidak enak. Berdasarkan imanlah, kepimpinan gereja menerima saya bekerja.


Tuhan sebagai Pemberi Jalan

Saya sememangnya tiada semua jawapan bagi kehidupan saya yang lampau, tetapi mungkinlah menjadi seorang lelaki berciri wanita lebih sesuai dan relevan bagi diri saya berhadapan dengan orang-orang di sekeliling saya. Saya berfikir jika saya menjadi lelaki yang sudah berkahwin, saya mungkin akan terpaksa hidup bermuka dua – berhubung kelamin sewenang-wenangnya, seks rambang, menghasilkan bayi-bayi yang saya tidak ingini, dan melarikan diri tidak mengambil tanggungjawab kerana saya seorang lelaki yang hanya mementingkan diri sendiri. Berkemungkinan besar juga saya akan bercerai pada akhirnya.

Tuhan kita maha berkuasa, mengatasi segala-galanya, termasuk hantu. Dia mungkin mengizinkan semua pengalaman seram itu berlaku ke atas diri saya untuk menarik saya supaya lebih mendekati-Nya. Dia mengetahui bahawa saya tidak akan rela mencari mana-mana tuhan dengan sendiri kerana saya langsung tiada apa-apa konsep tentang tuhan, dan saya pula memang jenis orang yang keras kepala. Akan tetapi saya ini mudah mempercayai tahayul, malah akan dengan pantas berusaha mencari jalan bagi menghalau hantu!

Seperti apa yang dinyatakan dalam ayat Yohanes 10:10: *“Pencuri datang untuk mencuri, membunuh dan membinasakan. Tetapi Aku datang supaya manusia mempunyai hidup bahkan mempunyai hidup yang berlimpah-limpah”*.

Ya, sejak tiga puluh hingga empat puluh tahun yang lalu, saya telah sesat, bermula dari zaman saya masih kanak-kanak lagi. Tanpa sesiapa membimbing saya, saya telah merosakkan kewujudan diri saya secara zahir dan juga batin. Sekarang, sejak saya sedar bahawa saya ini adalah anak-Nya, identiti saya mula dipulihkan. Saya terus-menerus bergantung erat kepada-Nya setiap hari, dengan sokongan dan dorongan daripada komuniti gereja.



¹²Namun demikian,
Dia memberikan hak
menjadi anak Allah kepada
mereka yang
menerima-Nya dan
percaya dalam nama-Nya.

Yohanes 1:12

Anak Tuhan

“Adakah bukan, tidak berminat dengan aktiviti biasa bagi kaum lelaki menjadikan seseorang lelaki itu gay? Adakah bukan, tidak menolak (dan pada satu tahap, sebenarnya menyukai pula) sentuhan yang tidak senonoh oleh lelaki lain bermaksud seseorang lelaki itu dilahirkan sebagai gay? Adakah bukan, tidak berminat dengan kaum perempuan tetapi lebih mengagumi tubuh lelaki bermaksud seseorang lelaki itu sebenarnya lebih baik menjadi seorang yang gay?”

Tuhan hadir menemui Kenny sambil dia berfikir, tentang mana yang harus dia anuti, antara pengetahuan mindanya dan kebenaran Alkitab demi menjelaskan sifat homoseksual yang ada pada dirinya, lalu hatinya terpimpin untuk menerima hakikat bahawa penampilan, keperibadian, dan kecenderungan tidak menentukan orientasi seksual sebenar seseorang.

Nama individu tertentu dalam cerita ini telah diubah demi melindungi kerahsiaan peribadi mereka.

Agaknya, satu-satunya sifat 'lelaki' dalam diri saya adalah minat saya kepada *kereta api*. Kalau bukan itu, saya pula lebih meminati menyanyi, melukis dan muzik. Memanglah saya pernah dicap sebagai pondan kerana saya pun agak gemar menarik perhatian orang lain dengan cara ekspresi muka dan gerak isyarat saya. Ibubapa juga tidak peduli kalau anak lelaki mereka ini menyukai benda-benda yang berbeza berbanding dengan kegemaran anak-anak lelaki lain. Ibu seorang yang, apabila bercakap, sentiasa dengan penuh perasaan dan dia sangat meminati seni; oleh itu kami sentiasa banyak meluangkan masa bersama dalam menerokai bidang itu. Saya dapat merasakan sebenarnya ayah agak sukar memahami saya kerana dia seorang yang meminati sukan tetapi saya pula tidak - maka kami tidak dapat berhubung rapat melalui aktiviti ini. Ayah pula seorang yang memang pendiam dan sering sibuk dengan kerja, maka saya boleh katakan yang hubungan kami agak renggang.

Di sekolah, saya selalu berdiri di tepi gelanggang sahaja semasa kelas pendidikan jasmani. Saya tidak mahu diketawakan kerana tidak pandai bermain bola sepak. Setelah beberapa lama, saya sedar ada pula beberapa orang budak lelaki lain berdiri di tepi seperti saya dan kami pun mula berbual sesama sendiri. Rupa-rupanya mereka juga tidak minat bersukan! Saya amat gembira ketika itu dan tidaklah berasa sunyi, dan selepas itu, kami semua mula berkawan.

Pada suatu hari, kawan-kawan saya membawa majalah porno gay ke sekolah, dan dari situ saya mula tertarik dengan rupa bentuk tubuh lelaki. Terdapat satu kejadian di sekolah semasa saya berumur dua belas tahun – seorang budak lelaki yang lebih tua dari saya telah menyentuh saya di tempat-tempat pada badan saya yang tidak sepatutnya disentuh. Masa itu saya berasa sangat

janggal, dan saya terus melarikan diri tetapi perbuatannya itu sebenarnya telah membangkitkan minat dan perasaan saya terhadap kaum lelaki. Datanglah pula era internet ketika itu, dan saya mendapat tahu di mana saya boleh menyaksikan tubuh-tubuh lelaki yang lebih menarik (*ketika itu, saya seorang budak yang kurus kering dan tanpa keyakinan diri*). Walaupun sekadar menyaksikan itu memang tidak salah, tetapi semakin banyak saya melihat, semakin banyak pula saya berangan-angan dan, tentulah, saya pun mula melancap bagi melepaskan nafsu.

Pada masa itu, kedua-dua ibubapa saya amat rajin beribadah di gereja, dan sejak kecil lagi saya selalu pergi ke gereja. Saya tahu sifat homoseksual bukanlah sesuatu yang normal. Pada masa yang sama, saya amat yakin bahawa saya inginkan masa depan yang berkehidupan dengan gereja. Masa telah berlalu, saya sedang belajar di seminari untuk menjadi seorang pastor. Namun, walaupun saya dikelilingi dengan kebenaran Alkitab dan orang-orang yang alim, ini tidak langsung menyapakan pergomolan saya tentang tarikan saya kepada kaum sejenis. Saya masih tertarik dengan kaum lelaki dan sering melayan keseronokan nafsu bersetubuh sendiri. Akan tetapi, kerana saya tahu perbuatan sebegitu berdosa, ianya bertambah menyiksa diri saya terutamanya kerana saya sedang beria-ia cuba menjadi seorang yang alim dalam perjalanan menjadi pastor.

Jalan penemuan dan menerima kelelakian sejati dalam diri

Di seminari, saya diperkenalkan dengan Reverend Tryphena. Beliau mengajar mengenai topik homoseksual, dan saya diberi pencerahan dari sudut Alkitab akan mana asal-usulnya sifat ini. Saya amat gembira apabila

mengetahui bahawa saya sebenarnya bukanlah seorang homoseksual, tetapi hanya tertarik kepada kaum sejenis. Saya amat berhati-hati supaya tidak melibatkan diri atau mengaitkan diri dengan mempraktikkan tingkah laku tertentu yang menghalu kepada sifat 'gay' kerana saya tahu bahawa itu semua hanyalah suatu pendustaan.

Walaupun saya berusaha bersungguh-sungguh mencari penyelesaian untuk mengatasi kecenderungan saya kepada kaum sejenis ini, saya bergelut untuk menerima hakikat bahawa saya, seorang pemimpin di gereja, sebenarnya memerlukan kaunseling. Di kalangan komuniti orang Asia, lazimnya kaunseling seolah-olah menjadi satu pantang larang - bayangkan bagaimana pula bertambah teruk jadinya persepsi terhadap orang yang akan menjadi pastor menuntut perkhidmatan kaunseling? Saya akhirnya meluahkan keresahan ini kepada ibu dan ayah. Mereka terkejut dan berasa bersalah kerana tidak melengkapkan saya dengan pendidikan yang cukup dalam hal ini. Mereka bukan sahaja tidak menyalahkan saya, malah mendorong saya untuk meminta sebarang pertolongan yang saya perlukan.

Semasa kaunseling, saya belajar menerima diri saya sendiri dari sudut fizikal. Sebelum itu, saya sering merasakan saya ini budak yang kurus kering dan tidak menarik. Ketika saya melangkah ke cahaya baharu dan menerima diri saya sendiri sebagai ciptaan Tuhan yang telah menjadikan saya menurut Imej-Nya, maka saya tidak lagi melihat diri saya terlalu hodoh! Penyembuhan dalaman diri yang utama bagi saya adalah mempercayai bahawa bakat-bakat yang saya miliki, walaupun tidak dianggap norma bagi kaum lelaki, adalah hadiah daripada Tuhan dan bahawa Dia memanggil saya bertujuan khusus untuk melaksanakan kerja-Nya dengan

menggunakan bakat-bakat itu. Saya tidak lagi keliru dengan identiti diri, saya hanya seorang yang berlainan sedikit daripada amalan norma masyarakat semasa.

Walaupun begitu, terdapat sesetengah tingkah laku saya, yang ibu dan malah ada pastor lain juga yang cuba mengingatkan saya agar tidak berketerlaluan. Contohnya, saya akan dengan sendirinya bercakap dengan pergerakan tangan yang longlai atau pergerakan badan yang agak berkelebihan terutamanya apabila saya teruja, dan ini sama seperti kelakuan ramai gay yang lain. Mereka yang mengambil berat tentang diri saya selalu menegur dengan lembut dan memberitahu saya bahawa sesetengah aksi saya itu, jika dibiarkan, akan lama-kelamaan menjadi sebahagian daripada diri saya yang akan sukar untuk diubah.

Saya juga belajar bagaimana mengejar kekudusan dan saya pula menggunakannya sebagai suatu tujuan utama dalam hidup sendiri agar dapat mengatasi tarikan terhadap kaum sejenis ini. Daripada menaruh fokus untuk menyingkirkan perasaan dan tarikan sesama jenis, lebih baik bagi saya fokus kepada bagaimana menuju kekudusan. Walaupun sesetengah orang mencari pelepasan mereka melalui perkahwinan dan rumah tangga, manakala ada juga yang terpanggil untuk terus membujang sahaja. Saya berusia 30 tahun pada masa itu, dan saya berniat untuk tidak berkahwin dan memfokus kepada ibadah Tuhan, lagipun ketika itu saya tidak tertarik kepada mana-mana perempuan. Hubungan perkahwinan itu adalah sesuatu yang kompleks, saya memahami bahawa ia sering diiringi dengan kesakitan dan kesugulan. Mungkin lebih baik bagi saya membujang dan tidak perlu melalui semua itu.


Di Luar Jangkaan

Satu kejutan berlaku! Saya bertemu pula dengan seorang gadis dan tertarik oleh karakter, keperibadian, dan sikapnya. Saya bersungguh-sungguh ingin mengenalnya dengan lebih mendalam. Perasaan ini amat berbeza dengan perasaan saya terhadap orang lelaki, yang mana hanyalah menimbulkan keghairahan seksual sahaja. Yang ini sungguh pelik. Malah kawan-kawan lelaki saya yang normal menganggap saya ini aneh kerana saya langsung tidak mempunyai perasaan fizikal yang seksual terhadap gadis itu. Reverend Tryphena meyakinkan saya bahawa perasaan ini adalah betul dan bersesuaian di mana dia mendorong saya supaya mengenali gadis itu. Cubalah mendengar dan berbual terlebih dahulu dan kemudian mengenali diri gadis itu, saya dinasihatinya. Jadi, tahun pertama saya mengenalinya, kami hanya berbuat begitu sahaja: mendengar, berbual, saling mengenali. Selepas itu, kami tahu bahawa kami akan berhadapan dengan persoalan tentang masa depan dan peringkat yang seterusnya dalam hubungan kami. Saya bertekad ketika itu untuk memberitahunya tentang masa silam saya walaupun kami sebenarnya belum masuk fasa berdating. Saya hanya ingin bersikap adil terhadap dirinya, dan kalau Tuhan izinkan perkahwinan dengannya, saya perlulah berterus-terang dan lihat sama ada dia mahu mengharungi perjalanan ini bersama saya. Saya amatlah senang dan lega mendengar bahawa dia sangat menghargai kejujuran saya dan bahawa dia menyukai saya yang seadanya dan sanggup menempuh perjalanan hidup dengan saya bagi melalui harungan itu. Setelah dia menyatakan yang dia menerima hakikat itu dan menyanggupinya, kami pun mulalah berdating.

Namun, ada kalanya saya masih teragu-ragu. Adakah saya telah pulih sepenuhnya dan identiti asal saya telah dikembalikan? Kalau tidak, saya tidak boleh berkahwin dengannya kerana saya akan melukakan perasaannya setiap kali saya tergoda ke arah songsang itu. Dipendekkan cerita, Tuhan itu adalah sebaik-baiknya. Kami telah berumah tangga dan kini kami adalah sekeluarga bertiga. Saya boleh menyaksikan bagaimana pengalaman peribadi saya telah membentuk corak kekeluargaan kami. Sebagai contoh, kami tidak mengira langsung tentang peranan normal bagi jantina seseorang dan saya pula selaku ketua keluarga amat gembira menjadi tukang masak di rumah!

Ada kalanya saya tergoda dengan gambar-gambar lucu gay terutamanya bila saya sedang beremosi atau bila isteri saya terlalu lemah untuk berintim. Saya menghormati keputusannya dan akan cuba mengalihkan perhatian kepada perkara lain ataupun bercakap-cakap dengan pastor-pastor yang lebih tua daripada saya. Saya dapati pemantauan melalui aplikasi peranti amatlah berguna bagi membantu saya berpaling daripada godaan, tetapi oleh kerana saya pernah berjinak dengan gambar lucu sejak remaja, ianya masih bersarang di satu sudut dalam kepala saya. Ianya satu musuh yang licik, yang tidak muncul secara terang-terangan, tetapi saya telah belajar supaya menerima cabaran hidup yang nyata ini dan mengatasinya masa demi masa, hari demi hari; jadi saya tidak mencuba hidup bertahan dalam alam maya tanpa sebarang kesilapan; mencuba hidup sebaik mungkin dan sejauh mana yang mungkin yang saya tercapai dalam seharian. Jika saya lakukan kesilapan, saya akan segera memohon pengampunan daripada Tuhan dan kasih kurnia-Nya untuk bangkit dan memulakan kehidupan baharu semula.

Walaupun saya masih mengharapkan akan tibanya suatu hari di mana saya bangun pagi dan sadar bahwa saya tidak lagi mempunyai nafsu melakukan dosa seksual, saya kini boleh menerima setiap sesuatu itu yang tersedia ada pada saya ini dan Tuhanlah yang tetap Pemurah dan lagi Penyayang.



¹⁷Sesiapa yang
ada dalam Kristus adalah
ciptaan baru. Hal-hal lama
telah lenyap dan
segala-galanya baru.

2 Korintus 5:17

Yang lama sudah berlalu, yang baharu sudah datang

“Ini hanyalah fasa lima tahun,” Evelyn meyakinkan dirinya sendiri apabila dia mengenangkan tarikan kepada kaum sejenisnya dan kepada kebahagiaan yang dirasainya apabila mendapati dirinya diterima baik oleh teman-teman yang mempunyai pandangan yang sama dengannya. Dia mempunyai hubungan homoseksual. Akan tetapi, perasaan itu tidak lenyap secara automatik setelah tamat lima tahun itu. Walau bagaimanapun dia tidak menghiraukan sangat tentang hal itu. Apabila seseorang yang penting dalam hidupnya mengetahui tentang sisi hidupnya ini yang berkecenderungan ke arah itu, Evelyn akan mengimbau kembali tentang ‘fasa lima tahun’ yang ada dalam hidupnya dan membangkitkan dirinya dengan lebih ingin tahu akan pandangan Tuhan terhadapnya –jalan yang mendorongnya untuk menjejaki sebab-sebab yang membawa kepada dirinya tertarik kepada kaum sejenis ini.

Nama individu tertentu dalam cerita ini telah diubah demi melindungi kerahsiaan peribadi mereka.

Terasa yang saya diabaikan

Saya adalah anak ketiga daripada lima adik-beradik. Menghadapi masalah kewangan keluarga, saya dihantar untuk tinggal bersama dengan nenek saya dan hanya berjumpa dengan keluarga pada hujung minggu. Ini menjadikan saya sedih apabila saya hanya dapat bermain dengan adik-beradik semasa mereka datang tetapi tidak pernah dibenarkan pulang dengan mereka bersama. Begitulah kehidupan saya sehinggakan saya mencapai umur dua belas tahun.

Pastinya, secara sedar tak sedar, saya terasa yang diri saya disisih oleh keluarga sendiri. Saya pulang menetap dengan keluarga sendiri apabila memasuki sekolah menengah, tetapi hubungan saya dengan keluarga hanyalah sekadar memainkan peranan dalam keluarga kerana kekurangan kasih sayang dan pengasuhan semasa kecil daripada mereka. Dua adik-beradik saya yang lebih tua dan dua adik-beradik saya yang lebih muda bergaul sesama mereka – Saya tidak sesuai dengan gaya kehidupan mereka.

Saya pun berbuatlah apa sahaja yang saya mahukan, dan ibubapa juga tidak mengawasi saya. Oleh kerana saya tidak berminat berada di rumah, saya akan keluar ke sekolah seawal jam 6 pagi dan akan menunggu di sana sehingga kelas saya bermula di sebelah petang. Semasa saya berada di sesi sekolah pagi, saya akan melepak selepas sekolah dan pulang dengan menaiki bas yang terakhir. Saya berasa sangat gembira dan bebas kerana ibubapa saya tidak pernah menanyakan apa yang saya buat. Dalam tempoh inilah, saya mungkin telah dapat

membiasakan diri dengan menggantikan perasaan yang saya diabaikan itu dengan perasaan yang saya ini sebenarnya bebas, dan saya anggapkan itu sebagai satu kebahagiaan.

Hilang kesedaran jati diri

Semasa saya tinggal bersama dengan nenek, saya harus menyimpan rambut pendek kerana lebih mudah bagi beliau menguruskannya. Itu membuatkan saya berasa sangat malu dan canggung—terutamanya apabila saya digelar sebagai *tomboi* semasa beratur di barisan perempuan untuk ke tandas. Salah seorang pakcik saya dan keluarganya juga tinggal di rumah nenek pada masa itu. Ketika itulah saya dicabul oleh sepupu lelaki saya. Saya terasa kehilangan nilai kemurnian diri.

Sepanjang masa itu, saya boleh dikatakan yang saya tidak tahu siapa diri saya yang sebenar. Saya mengikuti mana-mana kumpulan yang menerima penampilan dan perasaan saya itu. Jadi, apabila saya memasuki sekolah menengah di mana kami tidak dibenarkan berambut panjang, saya sama sekali tidak berasa terasing dan bersendirian. Sebaliknya, saya merasakan bahawa saya telah menemui *kaum* saya sendiri. Apabila saya melihat budak-budak perempuan yang lain mempunyai teman lelaki, saya juga membuat kesimpulan bahawa orang lelaki menyukai perempuan yang berambut panjang. Jadi saya terus tidak memilih bergaul dengan mereka. Peristiwa pencabulan terdahulu itu telah memberikan impak yang mendalam kepada saya dengan saya membuat andaian bahawa orang lelaki adalah manusia yang tidak baik.

Yang lama sudah berlalu, yang baharu sudah datang

Dalam semua hubungan berteman saya yang terdahulu, saya akan menampilkan diri sebagai lelaki. Tetapi setelah beberapa ketika, saya sedari bahawa saya juga menginginkan perasaan yang saya sentiasa dilindungi. Seandainya kata-kata atau tindakan teman perempuan saya menunjukkan yang dia seolah-olah inginkan melindungi saya, saya akan membuat kesimpulan dan menyifatkan itu sebagai suatu tanda yang dia sayangkan saya. Saya tidak mempunyai apa-apa kesedaran langsung tentang apa yang diri saya hargai, mahukan, atau percayai - saya hanya cenderung bergantung pada cadangan emosi-emosi yang saya terima daripada teman-teman perempuan saya.

Walaupun dengan semua penjelasan sedemikian, terdapat satu perkara yang saya idamkan yang saya suruh diri saya lakukan demi saya sendiri: mengakhiri gaya hidup tarikan sesama jenis selepas persekolahan menengah tamat. Sejurus itu, saya menghadapi perpisahan yang nyeri dengan teman perempuan saya, ini sungguh memedihkan hati saya. Ini membawa kesedihan yang amat mendalam, namun saya nampak adanya cahaya pada penghujung jalan. Saya pun meninggalkan kampung halaman saya ke bandar, untuk meninggalkan semua kesengsaraan masa kecil saya, masa remaja saya dan hubungan lesbian saya, dan ini akan membantu saya memulai hidup baharu.

Keselesaan yang saya senangi

Walaupun saya berniat murni, namun tanpa diketahui, saya seterusnya melangkah masuk ke dalam hidup yang menghadapi keadaan yang sama seperti yang saya ingin lupakan. Saya pergi ke bandar untuk belajar dengan sendiri dan tidak mengenali sesiapa pun.

Secara automatik, semua rakan serumah menjadi orang-orang yang saya sentiasa bergaul bersama. Apakah kebarangkalian yang rakan-rakan serumah di kolej di Kuala Lumpur (KL) itu, kebetulan semuanya juga *lesbian*? Ini termasuklah rakan sebilik saya. Keadaan menjadi apa yang saya amat senangi, khususnya kami bukan lagi di sekolah yang khas untuk perempuan sahaja dan saya akan mempunyai lebih banyak masa yang saya boleh berinteraksi dengan lelaki. Walau bagaimanapun, saya masih kurang senang berkawan dengan lelaki. Sementara itu, rakan saya yang sebilik pula sangat prihatin terhadap diri saya dan akhirnya, tidak dapat dielakkan, kami menjalinkan hubungan selama lebih setahun.

Hidup saya sungguh bahagia sehinggalah kakak saya mengajak saya pergi ke gereja.

Mengenali Tuhan sekali lagi

Saya sebenarnya telah menerima Yesus Kristus semasa berumur enam belas tahun, tetapi saya tidak serius tentang gereja atau membaca Alkitab. Memandangkan kakak dan saya berada di KL, dia mengajak saya pergi ke gereja dan, kerana tidak mahu mengecewakannya, saya bersetuju untuk pergi bersamanya. Tidak lama kemudian, ada seorang ahli gereja menceritakan kepada saya bahawa kakak saya sebenarnya sudah lama tahu yang saya tertarik kepada kaum sejenis sejak dari zaman sekolah menengah lagi, akan tetapi dia tidak pernah sekali pun menyebut tentang hal itu kepada saya. Saya tidak takut—ianya lebih kepada satu kesedaran bahawa pasti adanya orang yang akan mengetahui tentang hal itu walaupun saya fikirkan yang saya sudah merahsiakan hal itu dengan sebaik-baiknya. Pengetahuan akan kakak saya tidak mencabar saya walaupun sudah mengetahui kecenderungan saya terhadap kaum sejenis, membangkitkan saya lebih ingin tahu apa yang Tuhan

Yang lama sudah berlalu, yang baharu sudah datang

sebenarnya akan katakan tentang hal itu. Pada masa pencarian saya itu, saya mengikuti satu kursus yang dikendalikan oleh PLUC mengenai topik tarikan sesama jenis dan sifat homoseksual.

Akhirnya, pada kursus itu, saya mula memahami rancangan Tuhan yang sebenar untuk lelaki dan wanita dan saya merasakan yang saya harus berhenti dan tidak mahukan kehidupan itu lagi. Semasa cuti semester kolej, saya dan teman wanita saya pulang ke kampung—kebetulan, kami berasal dari negeri yang sama. Saya memberitahunya mengapa saya ingin menamatkan hubungan kami, setelah juga mendapat tahu bahawa dia mempunyai teman lain secara jarak jauh semasa kami masih berdating. Kumpulan rakan kami menyifatkan saya sebagai orang yang 'kejam' kerana tidak mahu menerimanya kembali setelah dia memutuskan hubungannya dengan teman wanita lain itu. Pada masa yang sama, ada juga rakan lain yang lebih objektif mempersoalkan keikhlasannya yang dia mungkin hanya mahu memilih saya setelah saya membuat keputusan untuk menamatkan hubungan antara kami.

Sejauh mana yang saya memutuskan untuk berpaling daripada kehidupan homoseksual, sejauh itulah bukan semudah seperti yang saya anggap, kerana rakan-rakan saya dari kursus yang sama semuanya hidup dengan gaya hidup yang sama. Sambil mendengar semua kisah percintaan mereka, dan memahami perasaan mereka, saya dengan berjayanya dapat menjelaskan kedudukan pendirian saya di kalangan mereka dalam kehidupan itu. Saya terpaksa menentukan sempadan saya. Mereka semuanya orang yang baik; teman yang setia dan kami boleh saling menghormati perbezaan antara kami.

Yang lalu diperdamaikan, yang baharu dipermulakan

Setelah tamat mengikuti kursus tersebut dan menjalani kerja kursus serta pengalaman yang dilalui sekian lama ini, saya dapati kesedaran akan memahami kenapa semua ini berlaku. Mungkin ianya satu berkat yang tidak terduga di mana saya dihantar untuk tinggal bersama nenek, kerana ayah seorang kaki botol dan kadangkala akan memukul ibu dan adik-beradik. Kalau saya berada di situ, saya dapat rasakan yang saya tentunya akan dikenakan impak yang lebih trauma. Ibu pula, seorang sahaja yang bekerja dan beliau sentiasa bersusah payah dan bertungkus lumus demi memastikan keperluan harian mencukupi dan menyelesaikan semua hutang-piutang keluarga.

Saya mengambil masa bertahun-tahun lama untuk memaafkan ayah dan menerima hakikat bahawa beliau masih ayah saya di dunia ini walaupun dia telah gagal menunaikan tanggungjawabnya. Sesungguhnya memaafkan seseorang menjadi pilihan saya apabila saya menjadi pengikut Yesus. Jika saya masih menyimpan dendam, bagaimana saya dapat merasakan kasih Tuhan yang telah dicurahkan kepada saya? Dengan itu, saya membuat keputusan untuk membina kembali perhubungan dengan ayah, dan walaupun pada permulaannya beliau tidak dapat menerima hakikat tentang kepercayaan dan iman saya, namun akhirnya beliaulah yang menemani saya semasa perkahwinan saya di gereja!

Yang lama sudah berlalu, yang baharu sudah datang

Kalau ditanyakan sama ada perasaan saya terhadap lelaki dan wanita adalah berbeza, saya mungkin tetap akan menjawab TIDAK, tidak sama sekali. Saya cuma perlukan adanya perasaan dikasihi, keinginan dilindungi, penerimaan dan dukungan dalam setiap hubungan, tidak kira sama ada dengan lelaki atau perempuan. Bagi saya, penerimaan akan diri saya amat penting. Ini bermaksud penerimaan akan diri itu cukup memadai bagi saya mempercayainya dengan sepenuhnya sehinggakan saya sanggup memberitahunya tentang masa lampau saya.

Saya dan suami bertemu di gereja dan mengambil masa selama dua tahun 'berkawan' sebelum kami mula berdating. Ketika itu, saya perlu belajar dan berdoa untuk mengetahui bagaimana mencintai seseorang, sementara dia pula kurang pasti sama ada mahu bermula kerana baru sahaja berpisah dengan kekasihnya dalam satu hubungan percintaan yang agak lama. Ini menyediakan masa untuk saya supaya saya dapat memberitahunya tentang latar belakang keluarga saya, yang cukup 'berwarna' di mana kemungkinan tidak ramai orang yang mampu mengatasinya. Akhirnya, saya berkongsi akan pengalaman saya dalam dunia homoseksual. Dia berhati terbuka dan menerima keadaan itu sebagai satu episod yang telah berlalu sebelum beliau mengenali saya. Kini, kami telah berkahwin selama lebih daripada satu tahun dan berharap dapat membina sebuah keluarga, terserah mengikuti kehendak Tuhan!

Saya bersyukur kerana Tuhan itu Maha Penyayang, sentiasa mendorong saya dan menyedarkan saya bahawa kehidupan homoseksual bukanlah dalam rancangan-Nya bagi diri saya, atau bagi sesiapa pun. Masih ramai yang bergelut dengan situasi ini, itulah sebabnya ahli-ahli gereja saya dan saya sendiri mengikuti kursus (dengan PLUC) untuk mengetahui bagaimana fikiran, emosi, dan pengalaman dapat membentuk orientasi seksual masing-masing. Kami menyedari bahawa ahli-ahli gereja kami sendiri mungkin juga bergelut dengan situasi ini dan kami ingin mempelajari bagaimana kami sebagai sebuah jemaah dapat dilengkapi dengan lebih baik untuk melibatkan diri demi mendorong mereka ke arah kebenaran.

³¹Yesus berkata kepada orang Yahudi yang percaya kepada-Nya, "Kalau kamu mengikut ajaran-Ku, kamu murid-Ku yang sejati. ³²Maka kamu akan mengenal kebenaran dan kebenaran akan membebaskanmu."

Yohanes 8:31-32

Kebenaran akan membebaskanmu

Seks dengan lelaki memang menyeronokkan tetapi Sanjay tahu itu semua datangnya dari dunia yang cacamarba. Maka, dia mengenakan peraturan sendiri bagi menjaga 'keselamatan' dirinya, termasuk tidak memiliki seorang teman lelaki yang tetap. Tidak lama kemudian, hatinya kehausan cinta yang lebih mendalam, melebihi kepuasan fizikal. Sebelum dia melangkah masuk lebih mendalam ke dalam dunia percintaan yang songsang, satu kebangkitan telah membimbing Sanjay kembali kepada kebenaran Tuhan dan kehidupan baharu berlandaskan peraturan-peraturan-Nya yang mulia.

Nama individu tertentu dalam cerita ini telah diubah demi melindungi kerahsiaan peribadi mereka.

Dahulunya, saya seorang Kristian yang menjalani dua kehidupan berbeza di Amerika Syarikat. Itu adalah zaman kebebasan saya sebagai penuntut Sarjana Muda, dan apabila saya berada di sebuah kota yang liberal, ini membuat saya lebih berani menerokai gaya hidup homoseksual. Saya pergi ke gereja tetapi hanya untuk membebaskan diri daripada dosa-dosa yang saya lakukan sepanjang minggu itu. Sebagai seorang yang masih muda dalam iman, terutamanya pula di negeri asing, saya tidak mempunyai sesiapa kenalan yang dapat membimbing saya ke landasan jalan Tuhan.

Oleh itu, saya berusaha mencari pemahaman saya sendiri. Setiap kali saya bertemu lelaki lain, saya akan bertanya, "pada pendapat kamu, apa yang Tuhan akan katakan tentang orang seperti kita?" Kebanyakan mereka akan mengatakan bahawa Tuhan mencipta kita sebagaimana yang kita sedia ada ini. Saya menyimpulkan bahawa Tuhan telah tersilap semasa mencipta saya. Maka, inilah kebenaran yang saya fahami, dan semua tindakan saya adalah sah dan benar.

Demi keselamatan diri, saya membuat peraturan saya sendiri untuk melindungi diri di dalam dunia yang cacamarba ini:

- jangan berhubungan seks pada pertemuan pertama
- membuat janji temu di tempat awam
- jangan berdating dengan lelaki yang menghidap penyakit AIDS atau HIV Positif
- jangan berdating dengan lelaki yang ada teman lain

Setelah saya tiduri semua lelaki yang menepati peraturan saya itu, bakinya tidak ramai yang tertinggal dalam kategori tersebut. Saya akan berasa murung apabila saya dapati tiada sesiapa pun yang saya dapat bertemu pada hujung minggu. Saya sedar bahawa

peraturan yang saya tetapkan sendiri itu agak menyulitkan keadaan, jadi saya pun mula melenturkan peraturan itu dengan sendiri. BOOM! Keputusan saya itu membuka satu alam baharu.

Keinginan nafsu saya bertambah membuak dan ada kalanya saya akan berdating dengan dua orang lelaki sekali gus—dalam masa dua tahun, saya telah tidur sekurang-kurangnya 60 orang lelaki. Ianya tidak lagi menyeronokkan, dan saya berfikir mungkin inilah masa yang sesuai untuk saya mencari teman lelaki yang tetap. Saya lebih tertarik dengan lelaki yang lebih berusia dan yang lebih bertubuh sasa yang saya anggap boleh menjaga diri saya kerana mereka lebih matang, dan penampilan fizikal mereka menunjukkan yang mereka mampu menjaga orang lain.

Saya bertemu dengan seorang lelaki. Jake sememangnya menepati ciri-ciri yang saya cari, dan saya telah menunggunya untuk menerima saya sebagai teman lelakinya. Tetapi, apa yang saya terima adalah satu mesej teks daripadanya mengatakan: *“Saya keseorangan malam ini dan saya inginkan seks denganmu.”* Hati saya luluh, dan saya faham akan hakikat yang sebenar. Selama ini, saya sendiri pun telah menggunakan ramai lelaki lain untuk kepuasan seks semata-mata, dan kali ini apabila saya sendiri yang mencari cinta sejati, ianya seolah-olah mengelakkan diri daripada saya. Saya amatlah kecewa.

Saya pun membuat keputusan untuk berhenti mencari kekasih dan pergi mencari Tuhan.

Berhubung semula dengan Bapa

Saya menerima Yesus Kristus semasa berusia 18 tahun tetapi saya rasa yang saya melakukannya hanya untuk menyingkirkan mimpi-mimpi yang saya dapati sejak umur 15 tahun. Mimpi-mimpi itu kerap tentang seks homoseksual. Saya sedar bahawa aktiviti homoseksual itu sering berlaku di tandas sekolah dan walaupun saya tidak turut menyertai, saya amat keliru akan mimpi-mimpi itu dan ini membawa saya mencari maksudnya di internet. Akhirnya, ini membawa saya ke laman web lucu berunsur *gay*.

Selalunya, saya cuba mengabaikannya, tetapi jauh di lubuk hati, saya menyukai idea untuk dicintai secara seksual oleh seorang lelaki. Saya berusaha mengubah diri demi mengelakkan diri daripada idaman itu sehinggakan merancang berkahwin dengan seorang wanita, akan tetapi saya membatalkan rancangan itu dan sebaliknya membuat keputusan untuk menyambung pelajaran di Amerika Syarikat. Maka, konflik itu berterusan dalam diri saya selama beberapa tahun. Saya tahu bahawa itu adalah salah bagi seorang Kristian, tetapi saya tidak mempunyai kekuatan untuk berpaling daripada kehidupan *gay* ini.

Dalam tempoh mencari Tuhan itu, emosi saya bagaikan menaiki sebuah *roller coaster*. Saya berada dalam lubang yang kelam. Saya merasakan tiada sesiapa yang dapat menolong saya, bagaikan hidup saya ditakdirkan hancur selama-lamanya dan saya seperti telah melampaui kuota untuk memohon pengampunan daripada Tuhan.

Suatu hari, saya sedang bersedih mengingat kembali mesej yang menyakitkan hati daripada Jake dan sedang meratapi nasib diri yang saya sendiri kenakan pada diri saya. Pada saat itu juga, saya terdengar satu suara yang mengatakan ***“Anak, Saya telah menghantar satu-satunya Anak-Ku untuk menebus dosamu, tidakkah kamu ingin lepaskan semua kekesalanmu itu untuk-Ku?”***

Air mata saya terus berderai dan saya didatangi satu perasaan yang sangat selesa ketika itu. Saya bergegas keluar dari bilik untuk melihat sekiranya ada sesiapa di rumah yang bersuara mengatakan begitu. Tiada orang pun. Saya amat yakin bahawa Tuhan sendiri yang telah menemui saya dan saya bertaubat dengan sepenuh hati dan mengakui serta menerima pengampunan-Nya.

Ayat Yohanes 10:10 menyatakan bahawa, *“Pencuri datang untuk mencuri, membunuh dan membinasakan. Tetapi Aku datang supaya manusia mempunyai hidup bahkan mempunyai hidup yang berlimpah-limpah.”* Sudah bertahun-tahun, saya tertipu dan jatuh ke dalam perangkap yang merumitkan hidup saya. Kini, selepas berserah kepada Tuhan, saya berada dalam terang dan saya dapat memahami semuanya. Saya mula dapat melihat semua konflik dalam diri saya dari satu perspektif yang baharu. Saya nampak masa depan saya adalah untuk hidup demi Kristus. Walaupun nafsu saya terdahulu tidak mudah dipadamkan begitu sahaja, saya kini lebih bersedia membuat pilihan-pilihan yang betul walaupun ianya mungkin lebih menyukarkan.

Bersama kumpulan rakan yang baharu

Untuk saya berjalan dalam terang, saya perlulah berada dalam cahaya. Sejak saya menarik diri dari lingkaran homoseksual, saya perlu pastikan yang saya sentiasa berada di tempat yang betul, tetapi saya tidak pernah memberitahu sesiapa pun bahagian hidup saya ini. Walaupun saya menghadiri sel kelompok kecil di rumah yang saya diami, namun saya tetap rahsiakan hal ini daripada mereka.

Pada suatu malam, berada di kebaktian sel kelompok kecil, ketua sel kelompok kami mengatakan bahawa dia sesungguhnya merasakan ada seorang di antara kami mempunyai sesuatu untuk dikongsi, dan semua orang tidak akan bersuara sehinggalah orang yang dimaksudkannya itu bercakap. Ketika itu saya amat gementar, tetapi akhirnya saya memberanikan diri untuk meluahkan keadaan konflik yang tersirat dalam diri saya ini. Tiada seorang pun melemparkan penampilan menghakimi, dan tiada sesiapa pun berkata apa-apa yang akan merendah-rendahkan saya. Sebaliknya, mereka telah memberikan kata-kata sokongan dan mereka menyatakan yang mereka akan bersama-sama saya menempuh perjalanan saya ini. Kami mempelajari Firman Tuhan bersama, dan mereka sentiasa mengingatkan saya dan membimbing saya kembali ke jalan Alkitab.

Kini, gereja membawa makna baharu dalam hidup saya dan saya juga mula melayani di gereja sebagai *usher* dengan menunjukkan tempat duduk bagi pengunjung gereja. Kemudian, pada suatu hari, pastor gereja datang kepada saya dan bertanya jika saya berminat untuk menjadi pastor perantis kerana gereja sedang mencari calon pada tahun itu. Saya?! Di kalangan 2,500 orang? Dan orang seperti saya ini yang mempunyai masa lalu yang tidak disukai oleh orang ramai?

Walau bagaimanapun, dengan pengetahuan bahawa Tuhan telah pun menebus saya daripada dosa-dosa dengan sepenuhnya melalui kasih sayang dan belas kasihan-Nya, saya menerima jaminan dan keyakinan bahawa saya layak dan boleh mencuba peluang melayani sebagai pastor perantis dan belajar daripada pelayanan itu. Padahal, dalam hidup saya yang satu lagi itu, saya sentiasa melengkapkan diri dan dapat merasakan bahawa Tuhan mempunyai panggilan untuk saya berbakti kepada-Nya, tetapi selama itu saya tidak tahu bagaimana caranya. Selepas tamat pengajian tinggi di Amerika Syarikat, saya sebenarnya ingin menerus tinggal di sana, tetapi oleh kerana saya tidak dapat mencari sebarang pekerjaan, saya pun kembali ke Malaysia dan bekerja buat seketika waktu di sini.

Setelah bertemu dengan Tuhan dan memperbaharui hidup, saya mendapati hubungan saya dengan keluarga mempunyai perbezaan yang ketara. Dahulunya, ayah sering tiada di rumah dan ibu pula sentiasa melepaskan isi hatinya yang tertekan kepada saya. Saya, dahulu juga, seorang yang mudah naik darah dan sering memukul adik-beradik. Saya merasakan kami semua hanya tinggal di dalam rumah yang sama tetapi tidak langsung memahami sesama sendiri dengan rapat. Saya percaya, untuk saya pulih dari segi hubungan dengan keluarga ini, amatlah penting bagi saya berkongsi perjalanan hidup saya dengan ibu dan ayah. Sememangnya, mereka tidak menyangkakan tindakan saya itu, tetapi apa yang berlaku ialah ia membolehkan pemulihan berlaku antara kami, dan hari ini kami amat rapat, dan mereka juga sedang gembira menikmati hidup sebagai datuk dan nenek.

Mencari cinta sejati di dunia

Walaupun saya telah berhenti tidur lelaki lain, saya tidak pernah terfikir untuk mencari seorang teman wanita. Namun, semasa saya bertemu dengan kakak kepada salah seorang rakan pastor saya, dan saya mula mempunyai perasaan yang ganjil. Selain daripada penampilannya yang telah menarik perhatian saya, saya terangsang minat yang kuat terhadapnya dan bersungguh-sungguh mahu mengenalinya. Akan tetapi, dia langsung tidak boleh bertutur dalam bahasa Inggeris, maka dalam fikiran saya segera memutuskan bahawa tidak mungkin bagi dia menjadi teman wanita saya. Lagipun, ibu bapa saya tidak mempunyai hubungan perkahwinan yang teguh yang mana telah memberikan satu gambaran kepada saya bahawa perkahwinan itu sebenarnya adalah tidak berbaloi. Saya pun tinggalkan hasrat saya itu di sana sahaja.

Walau bagaimanapun, saya berulang kali terbayang-bayang akan gadis itu kerana saya amat berminat dengan dia dan pada tahun 2015, saya pergi ke Vietnam untuk bertemu dengan rakan pastor saya itu. Saya berbisik di dalam hati kepada Tuhan, "Kalau Tuhan menentukan gadis ini untuk saya, saya inginkan dia boleh bertutur dalam bahasa Inggeris." Semasa di sana, berjumpa dengan kakaknya iaitu gadis yang saya katakan itu, dia menegur saya, "*How are you? How was your flight?*" (yang bermaksud, "Apakah khabar anda? Bagaimanakah penerbangan anda?" dalam bahasa Inggeris).

Saya terkejut dan kemudian mendapat tahu bahawa dia telah mempelajari bahasa Inggeris dan boleh bertutur pada tahap asas. Saya pun mengajaknya keluar makan malam, dan saya luahkan isi hati saya kepadanya dan juga menceritakan kepadanya tentang masa silam saya. Dia hanya membalas bahawa dia mempercayai orang yang berada di depan matanya sekarang.

Selepas itu, apa yang dia ceritakan kepada saya boleh dikatakan seolah-olah cerita dongeng, tetapi ianya benar-benar berlaku. Pada tahun 2014, dia berdoa tentang perkahwinannya, dan dia nampak saya dalam penglihatannya, tetapi itu tidak dapat meyakinkannya. Tuhan menunjukkan kepadanya lagi bahawa dia akan berkahwin dengan orang asing, jadi dia terus pergi belajar bahasa Inggeris. Dia sebenarnya sekian lama sangat berkeinginan untuk dilamar di Dalat, dan kebetulan, kami sedang berbual di Dalat! Kami berdua sememangnya juga ingin mengadakan cara majlis perkahwinan yang sama, secara kecil-kecilan di tepi pantai dan hanya bersama mereka yang rapat dengan kami.

Dengan semua itu yang terjadi tepat pada masa dan tempatnya, kami berasa amat yakin dan berdating selama satu tahun sebelum berkahwin.

Sudah tentu, saya gementar tentang perkahwinan. Ada kalanya saya masih bermimpi tentang aksi homoseksual, tetapi saya tahu siapa diri saya, dan saya telah memilih untuk tidak terkesan olehnya. Saya amat senang dengan keyakinan yang isteri saya berikan kepada saya bahawa saya tidak akan kembali kepada kehidupan saya yang dahulu. Saya tidak pernah bayangkan yang saya akan menjadi seorang ayah dan saya dapat melihat bagaimana anak-anak saya sebenarnya adalah janji-janji Tuhan kepada saya - satu penebusan bagi hidup saya. Kalaupun ada kalanya datang godaan, saya akan pandang anak-anak saya dan mengingatkan diri bahawa tiada apa-apa dalam sejarah lampau saya yang berbaloi untuk diulang berbanding dengan semua keberkatan yang saya miliki pada hari ini.

⁸TUHAN
sendiri akan memimpin
kamu, dan Dia pulalah
yang akan menyertai kamu.
Dia tidak akan membiarkan
kamu dan tidak akan
meninggalkan kamu. Jangan
takut dan jangan kecut hati.

Ulangan 31:8

Tidak terbiar mahupun ditinggalkan

M bukanlah seorang yang mudah berkongsi naluri dan emosinya. Setelah dipaksa mendiamkan diri apabila memberitahu ibu bapanya yang dia telah dicabuli oleh seorang lelaki muda, dia terus menjadi seorang yang amat pendiam. Datang pula tarikannya kepada kaum sejenis, maka sekali lagi, M bergelut dalam sepi. Oleh kerana dia seorang Kristian, konflik ini lebih sukar diharungi sehinggalah satu ketika di mana M merasakan dirinya hanya wujud, tetapi tidak hidup. Apabila kemuncaknya sampai pada tahap begitu hampir dengan titik hancur berkecai, dia menampilkan diri dan mencari bantuan. Perjalanan 'pulang' ini telah memakan masa sepuluh tahun (dan masih berlangsung) tetapi Tuhan Maha Penyabar, Dia masih bersabar dan berterusan mengunghap jalan-Nya kepada M.

Nama individu tertentu dalam cerita ini telah diubah demi melindungi kerahsiaan peribadi mereka.

Semasa saya berumur sekitar lima tahun, saya pulang dari rumah jiran saya. Saya memang acap kali melepak di sana, tetapi hari itu keadaannya berbeza - saya telah dicabuli. Saya mengadu hal itu kepada ibu dan ayah tetapi sebaliknya saya telah dipukul. Mereka tidak percaya yang air mani di dalam seluar dalam saya itu kepunyaan lelaki dewasa dan mereka menuduh saya cuba menutup rahsia diri yang saya telah mula melancap. Selepas peristiwa itu, saya hanya berdiam diri sahaja dan tidak mengatakan apa-apa lagi.

Sejak itu, saya percaya bahawa wanita hanyalah alat kepuasan seksual lelaki, dan saya bencikan tubuh dan identiti saya. Saya mula takut dengan lelaki dan hanya bergaul dengan budak perempuan sahaja, kerana saya rasakan beginilah lebih selamat. Lama kelamaan, saya mula berasa kagum terhadap wanita. Lebih-lebih lagi, kekurangan maklumat mengenai hal-hal jantina dan identiti pada ketika itu, usaha saya untuk memahami dengan jelas tentang situasi saya itu telah terbantut.

Akibatnya, pergaulan saya dengan perempuan lain menjadi tidak sihat. Saya seperti sentiasa perlu ditemani oleh gadis-gadis tertentu dan saya tidak mempunyai sebarang batasan. Sebagai contoh, pernah ada seorang rakan yang telah menghantar saya pulang setelah seharian bersiar-siar, dan saya akan segera menelefonnya supaya dapat berbual sehinggalah dia sampai di rumahnya. Dia pun tidak pernah menegur saya tentang hal itu, maka saya percaya yang dia tidak kisah dan menyukai keakraban kami. Tidak lama kemudian, dia mengajak saya menjadi kekasihnya. Saya sebenarnya meragui apa yang orang lain akan fikirkan tentang diri saya, tetapi memandangkan saya telah biasa bergantung kepadanya, saya akan dia, saya telah bersetuju untuk menjadi teman wanitanya. Hubungan kami bertahan

selama tujuh hari, dengan dia memberitahu saya hubungan itu tidak boleh diteruskan, lagipun dia akan meninggalkan tanah air untuk ke luar negara. Saya tidak bercakap atau berbincang langsung tentang perpisahan itu. Saya tidak sedih, hanya menerima hakikat bahawa tiada apa-apa lagi yang boleh dilakukan.

Di kolej, saya dilantik menjadi Presiden Perhimpunan Kristian dan pada masa yang sama saya sedang bergelut dengan situasi tarikan sesama jenis. Ada kalanya saya akan berkongsi dengan beberapa rakan mengenainya, tetapi mereka tidak berdaya untuk melakukan apa-apa kecuali mengetahui yang saya memerlukan pertolongan. Mereka menemui PLUC dan memberikan nombor telefonnya kepada saya, tetapi saya hanya menyimpan dan mengetepikannya. Selepas tamat pengajian, saya melemparkan diri dalam pekerjaan saya dan *ya, saya bekerja keras*.

Akhirnya, tubuh saya tidak lagi dapat menahan stres kerja yang dialami. Badan saya menjadi lemah. Yang lebih teruk, emosi saya juga terasa amat terganggu. Ianya amat pelik, kerana saya belum pernah cuba memikirkan tentang emosi saya sendiri. Saya tahu yang saya perlukan pertolongan profesional dan saya menjumpai semula nombor telefon PLUC tersebut. Saya pun menelefon mereka. Tidak ada apa-apa yang saya harapkan, saya tidak tahu juga apa yang akan berlaku.

Mengakui dan bercakap tentang perasaan

Pada sesi awal, tanpa disedari, saya bercerita kisah saya seakan-akan mengemukakan kisah tentang orang lain. Walaupun menggunakan perkataan "Saya", saya masih tidak merasakan kaitan emosi dengannya secara peribadi,

Tidak terbiar mahupun ditinggalkan

dan saya bercerita seolah-olah ini perihal orang lain. Saya menceritakan seolah-olah saya membacanya dari sebuah buku; langsung tidak menunjukkan kesedihan mahupun menitis air mata. Sesi-sesi ini agak ganjil dan janggal tetapi saya teruskan juga.

Lama-kelamaan, saya mula mempelajari akan mengenal dan menamakan semua jenis perasaan yang saya rasai, dan sedar bahawa semua emosi itu sebenarnya adalah sebahagian daripada diri saya. Saya menjalani kaunseling selama satu tahun dan kemudian menghadiri kumpulan sokongan selama satu tahun, namun tidak nampak sebarang perubahan pada diri saya. Namun, ketika itu saya terus diberikan galakan oleh kaunselor dan dinasihati bahawa tidak semua orang maju ke hadapan dalam tempoh masa yang sama.

Melalui latihan itu, saya belajar mempraktikkan cara meluahkan emosi – sebagai contoh, menyatakan diri secara langsung dengan apa yang saya ‘suka’ atau ‘tidak suka’ yang sememangnya agak sukar bagi saya melakukannya sebelum ini, tetapi ia menjadi lebih mudah sekarang. Dahulunya, saya selalu berfikir yang perasaan dalam diri saya sukar diterima oleh orang ramai, dan saya hanya ingin menggembarakan orang lain sahaja. Ada kalanya, sesetengah perbualan menjadi agak rumit bagi saya, di mana saya hanya memikirkan apa reaksi orang lain terhadap apa yang saya akan katakan. Ini membuat saya terasa tertekan kerana saya cuba mengurangkan risiko yang saya tidak akan diendahkan orang lain ataupun akan menyinggung perasaan orang lain. Kini, saya lebih senang berbual dan dari situ, saya mula maju ke hadapan dan kejayaan saya yang terbesar buat masa ini ialah saya dapat membuat keputusan untuk berpindah keluar dari rumah keluarga.

Dalam budaya orang Asia, anak-anak biasanya akan terus tinggal di rumah keluarga sehinggalah mereka bekerja di tempat lain atau berkahwin. Keputusan berpindah keluar dari rumah itu menyebabkan emosi saya tidak tenteram apabila ibu menuduh saya yang saya sedang melakukan perkara yang tidak senonoh sedangkan saya tidak faham mengapa mereka tidak dapat menerima keputusan saya. Namun, saya tetap dengan pendirian saya dan saya rasakan itulah satu-satunya keputusan terbesar demi diri sendiri yang pernah saya buat selama ini dalam hidup saya.

Melihat langkah saya menuju Tuhan

Tuhan telah menunjukkan gambaran yang sangat jelas kepada saya sepanjang musim ini. Pada satu sesi retrit, saya mendapat satu penglihatan di mana saya nampak diri saya di dalam sebuah bilik yang sangat gelap, tetapi saya enggan keluar dari situ walaupun saya nampak dengan jelas bahawa Yesus berada di luar. Saya berasa terlalu selesa di dalam bilik gelap itu sementara Yesus sedang bersinar terang di luar sana. Hidup saya penuh bergelora pada saat itu, yang akhirnya saya melangkah keluar pergi mendapatkan pertolongan.

Tidak lama selepas itu, saya dapat penglihatan yang kedua, di mana saya telah keluar meninggalkan bilik gelap itu. Saya nampak sebuah tangga, tetapi saya tidak berani menaiki tangga itu ke tingkat atas kerana saya tidak nampak penghujungnya. Akhirnya, saya mengambil satu langkah dan berhenti. Kemudian, saya mengundur satu langkah. Mungkin ini menunjukkan situasi yang bersesuaian dengan masa ketika yang saya ingin mendapatkan pertolongan, tetapi saya belum yakin dengan sepenuhnya.

Tidak terbiar mahupun ditinggalkan

Beberapa tahun kemudian, satu penglihatan yang lain pula muncul. Kali ini, Yesus duduk di sebelah saya. Dia tidak berkata apa-apa dan saya merasakan Dia bagaikan sahabat saya yang paling akrab yang pernah saya miliki. Tidak ada arahan, tidak ada gesaan. Apa yang saya rasakan hanyalah perasaan kedamaian. Kami hanya duduk begitu selama beberapa tahun lagi. Sementara itu, pekerjaan saya menjadi beban yang terlalu berat kerana ketua saya di tempat kerja telah berhenti kerja. Tanpa arah tuju ketika itu, saya membuat keputusan untuk mengambil Skim Pemisahan Sukarela (VSS). Saya hanya perlukan sedikit masa untuk memproses semua perkara yang telah berlaku sejak saya mula mengubah kehidupan saya.

Penglihatan yang seterusnya muncul ketika Persidangan Alkitab, di mana saya dilanda perasaan bahawa diri saya ini kotor. Oleh kerana rakan-rakan lelaki saya selalu mengharapkan isteri yang masih dara, saya melihat diri saya ini sudah dicemari dan tidak layak untuk berkahwin. Dalam penglihatan itu, saya melihat diri saya telah dibersihkan dengan sepenuhnya, dan Yesus telah menjadikan saya suci dan layak diterima oleh orang lain. Walaupun telah diserlahkan dalam Alkitab dengan jelas bahawa setiap orang dapat disucikan, tetapi kebenaran ini menjadi begitu nyata pada waktu itu. Peristiwa itu menjadi titik pembaharuan yang membuat saya benar-benar percaya bahawa saya sudah dibersihkan, suci, dan sedia menjadi pengantin perempuan kepada Yesus.

Sejak itu, saya telah berhenti melayari laman web lucu dan juga membuang tabiat melancap. Pada waktu itulah saya mula bersedia membuat sebarang keputusan untuk kehidupan diri sendiri. Sebelum itu, saya benar-benar tidak mampu membuat apa-apa keputusan apabila

kaunselor bertanya sama ada saya mahu teruskan kecenderongan saya dan mencebur diri dalam kehidupan homoseksual atau memutuskan mengejar kehidupan yang suci. Selepas diperlihatkan kesucian akan diri saya, saya amat pasti dan yakin tentang keputusan yang saya ambil dalam Tuhan.

Pada tahun 2019, saya terdengar tiga perkataan Cina yang dapat diterjemahkan sebagai 'teman sesama perjalanan'. Ini menjadi jaminan dan dorongan bagi saya untuk berkongsi dengan orang lain tentang kisah diri saya, semua proses dan kemenangan yang saya tuntut dengan adanya Kristus. Akhirnya, saya membuat keputusan untuk memberitahu ibubapa saya tentang konflik dalam diri saya ini, seperti yang saya sedia berkongsi dalam persidangan-persidangan, dan saya tidak mahu mereka mendengarnya daripada orang lain sementara tidak mengetahui apa-apa mengenainya.

Harapan saya agar orang lain tahu bahawa diri mereka bukanlah bersendirian dan jika mereka memutuskan untuk menapak perjalanan ini dengan Tuhan, mereka akan pasti bahawa perjalanan ini akan dilalui dengan keistimewaan, khusus untuk diri mereka sendiri. Difahami akan adanya pasang dan surut tetapi kalau kita bertahan dan teruskan mempercayai Tuhan, kebebasan yang kita dapat alami adalah sungguh hebat, malah mengagumkan!

- ¹ Lihatlah hamba-Ku yang Kusanjung tinggi,
orang pilihan-Ku yang kepadanya Aku
berkenan. Aku telah menaruh Roh-Ku ke
atasnya, dan dia akan membawa keadilan
kepada bangsa-bangsa.
- ² Dia tidak akan berteriak, menyaringkan suara,
atau memperdengarkan suaranya di jalan.
- ³ Sehelai rumput mensiang yang terkulai tidak
akan dipatahkannya, dan sumbu yang malap
tidak akan dipadamkannya. Dengan setia dia
akan menegakkan keadilan.
- ⁴ Dia sendiri tidak akan pudar atau patah
terkulai sampai dia menegakkan keadilan di
bumi. Pulau-pulau mengharapkan
pengajarannya.”

Yesaya 42:1-4

Tidak musnah, tetapi terpilih

Akibat diganggu secara seksual ketika masih kecil, Sylvia kehilangan kepercayaan kepada lelaki. Ketidakpercayaan ini semakin meningkat apabila kejadian yang hampir serupa berlaku lagi semasa beliau sudah dewasa. Takut akan keintiman, tetapi inginkan kemesraan, dia memilih pasangan perempuan kerana dia berasa ini selamat. Sehingga 'cinta sejatinya' musnah barulah dia menemui Tuhan, keutuhan dan masa depan yang amat jelas.

Nama individu tertentu dalam cerita ini telah diubah demi melindungi kerahsiaan peribadi mereka.

Apabila anda menonton adegan percintaan dalam filem, anda mungkin berfikir bahawa semua keintiman fizikal adalah sama—terdorong dengan keghairahan, sentuhan sensual, dan pengalaman yang sangat menyenangkan. Tetapi semua ini bukan bagi saya.

Saya takut mendekati dengan rapat bersama dengan orang yang saya cintai kerana saya telah mengalami gangguan seksual oleh beberapa orang sepanjang hidup saya. Saya telah dicabul semasa kecil oleh anak lelaki jiran saya dan ibubapa hanya berdiam diri. Ketika saya masih remaja, seorang lelaki di dalam bas yang saya naiki telah menyentuh saya secara seksual dan pemandu bas langsung tidak bertindak apabila saya melaporkan hal itu kepadanya. Sementara itu, seorang pemuda lain juga telah menindih tubuh saya, kononnya untuk menunjukkan yang dia menyukai saya. Semua sentuhan tanpa izin saya ini telah membuat saya mendirikan satu benteng di antara saya dan semua lelaki, termasuk ayah dan adik-beradik lelaki saya. Saya nampak kawan-kawan saya berpasangan dengan lelaki tetapi saya langsung tidak berminat. Sebaliknya, saya lebih senang dengan tiadanya teman lelaki!

Saya berasa senang dikelilingi perempuan. Saya mulai peka akan kehadiran mereka dan tertarik kepada mereka. Kalau adanya budak perempuan merapati saya, saya akan berasa sangat gembira. Ramai gadis akan datang tidur di rumah saya sehinggalah ibu mula tertanya-tanya sama ada saya ini seorang homoseks. Saya menafikannya kerana sebenarnya, memang tiada aksi seks berlaku bila perempuan-perempuan itu datang ke rumah saya - saya cuma menikmati penemanan mereka. Saya juga seorang yang rajin membaca, dan banyak novel yang saya baca ada menceritakan hubungan homoseksual yang cerita-cerita itu tamat dengan pengakhiran yang bahagia.

Lama-kelamaan, saya terpengaruh dan yakin bahawa saya boleh menjalinkan hubungan antara perempuan dengan perempuan dan hubungan itu akan mempunyai pengakhiran yang sentiasa bahagia.

Fasa lesbian

Memandangkan saya masih tinggal di rumah keluarga, maka saya terpaksa hidup bersama sambil menyorok dengan kecenderungan saya itu. Lagipun, kehidupan homoseksual bukanlah sesuatu yang senang yang kamu ingin menguar-uarkan di bandar yang kecil seperti kampung saya ini - kecualilah saya berada dalam satu hubungan yang serius dan teramat sangat berkeinginan untuk tinggal bersama dengan teman saya itu. Itu bermakna saya perlu berpindah ke Kuala Lumpur. Akhirnya saya bongkarkan hal ini kepada keluarga saya kerana saya tidak mahu menipu, dan saya inginkan mereka memberkati hubungan saya itu. Pada masa yang sama, saya sebenarnya telah pun nekad untuk berpindah, walau apa jua pendapat mereka. Saya sememangnya bertindak mementingkan diri sendiri sahaja.

Tiada siapa pun yang mengenali saya di kota, jadi saya bebas hidup secara homoseksual. Semasa temu ramah pekerjaan, saya dengan sengaja mendedahkan kecenderungan seksual saya dan disebabkan itu, saya terlepas banyak peluang pekerjaan. Akhirnya, ada satu syarikat mengambil saya bekerja. Mereka tidak mempersoalkan atau memberi reaksi negatif terhadap pendedahan itu, dan saya berasa amat selesa bekerja di situ. Kehidupan saya amat baik. Saya mempunyai cinta hati saya juga. Saya seronok keluar dan berjumpa dengan orang-orang yang mempunyai sudut pandang yang sama, di *pub gay*.

Tiba-tiba, teman karib wanita saya memberitahu saya bahawa dia ingin menamatkan hubungan kami. Dunia saya hancur luluh. Saya pernah ada hubungan lain sebelum ini, tetapi untuk yang ini, saya telah korbankan semuanya dan akhirnya, saya hilang segala-galanya. Rakan-rakan saya adalah rakan-rakannya juga dan semua orang yang saya kenali adalah dari kumpulan LGBT yang sama. Jadi, selepas perpisahan itu, keadaan menjadi agak janggal. Saya juga tidak pernah menghubungi keluarga sejak saya meninggalkan rumah. Saya akhirnya merayau dengan perasaan yang penuh kehilangan.

Kasih dari tempat yang tidak dijangka

Oleh kerana saya selesa dengan orang-orang di pejabat, saya pun berkongsi tentang perpisahan itu. Mereka tidak menghakimi atau memberi saya sebarang nasihat tetapi hanya mendengar dan mendoakan saya. Sebelum perpisahan itu berlaku, bos saya selalu mendorong saya untuk menelefon ke rumah keluarga, tetapi saya tidak pernah dapat melakukannya. Saya memang tahu bahawa tindakan saya lari dari rumah adalah sesuatu yang salah dan saya memang tidak dapat memaafkan diri saya disebabkan itu. Kini, bos saya sekali lagi mendorong saya untuk menelefon, dan dalam keadaan yang patah hati, akhirnya saya memberanikan diri.

Saya mundar-mandir lebih dari satu jam sebelum mengangkat telefon. Ibu menjawab telefon tetapi saya diam sahaja. Saya tidak mampu berkata apa-apa, tetapi apabila ibu memanggil nama saya dan bertanya, "Apa khabar?", saya terus menangis sekuat-kuat hati dan ibu hanya berkata, "Jangan menangis lagi, pulanglah ke rumah." Saya pulang dengan serta-merta dan tiada seorang pun di rumah yang mengungkit tentang kehidupan homoseksual saya. Pada waktu ini, kasih

sayang dan prihatin dari keluarga saya dan rakan-rakan sekerja adalah balsam yang mampu merawat bagi jiwa saya.

Tidak lama kemudian, seorang kenalan dari sebuah pejabat yang berjiran dengan pejabat kami mengundang saya menghadiri satu pertemuan *evangelis* di gerejanya. Dia tetap gigih menjemput saya walaupun saya memberinya banyak alasan. Akhirnya saya bersetuju pergi dengannya supaya dia tidak lagi terus-menerus mengganggu saya. Di sana, saya menyaksikan satu kumpulan dari Hong Kong berkongsi Injil dan menyanyikan lagu dalam dialek saya, iaitu Kantonis. Selain daripada bahasa mereka itu yang saya boleh fahami, saya mendapati bahawa lagu-lagu itu sangat menenangkan, tidak seperti lagu-lagu di kelab malam yang saya sering kunjungi. Pada hujung pertemuan itu, pastor membuat panggilan mazbah. Hati saya berdegup kencang. Saya resah kerana saya tahu bahawa memilih agama Kristian membawa maksud meninggalkan kehidupan homoseksual, akan tetapi saya masih belum bersedia untuk melakukannya.

Kemudian, pastor itu mengatakan bahawa dia masih menunggu SATU orang lagi.

Saya tahu bahawa orang yang dimaksudkan itu ialah saya. Saya hampir dapat mendengar degupan jantung saya yang kuat. Satu suara berkata kepada saya dalam bahasa Mandarin, "*Percayalah kepada Aku, ambillah langkah dalam iman.*" Saya pun mula mengambil langkah...dan berjalan terus menuju ke sana. Pastor itu berkata, "Orang ini telah pun datang ke mari, kita boleh mula berdoa."

Tidak musnah, tetapi terpilih

Saya kagum apabila mengetahui bahawa Tuhan ini sangat lemah lembut, baik hati, dan sabar. Dan saya berfikir hidup saya akan berjalan dengan lancar dan bahagia setelah menerima-Nya.

Dipulihkan dari malu

Hati saya berasa ringan apabila menerima Tuhan tetapi perjalanan saya bersama-Nya telah mengungkitkan memori yang menyakitkan. Sebagai seorang Kristian yang muda, mungkin saya naif, dan satu hari saya pun berdoa agar Dia menunjukkan kepada saya apa yang saya perlu uruskan dalam diri saya ini.

Tidak lama selepas saya berdoa itu, memori gangguan seksual yang saya alami ketika masih muda timbul semula. Selepas kejadian gangguan seksual itu, saya tidak banyak bercakap dengan keluarga dan banyak bersendirian. Memandangkan saya tidak mendapat sebarang keadilan yang wajar, saya hanya memberitahu diri sendiri bahawa saya ini seorang anak yang sihat dan dalam keluarga yang bahagia. Inilah cara di mana saya membentuk minda saya sendiri agar saya dapat hidup bersama perasaan yang malu dan terseksa tersebut selama bertahun-tahun ini.

Apabila saya teringatkan semua pembohongan yang saya bina dalam diri sendiri ini, hati saya terasa sangat berat. Saya hendak lompat dari tingkat 21 di unit apartmen saya untuk mengelakkan diri dari mengharungi trauma yang amat besar ini. Semasa saya berdiri di depan tingkap, saya terdengar satu suara berkata, "*Pandang ke kiri*". Saya pun menoleh dan saya melihat rak buku di mana saya menyimpan bahan-bahan bacaan Kristian dan sebuah buku nyanyian pujian. Kemudian saya terdengar, "Ambil buku itu dan nyanyilah".

Saya pun mengambil buku itu dan membukanya, dan dengan serta-merta air mata saya mula mengalir. Saya tidak dapat nampak sebarang lirik, dan saya sangkakan yang saya sedang menyanyi, lalu saya asyik menyelak halaman buku tersebut. Akhirnya saya berhenti menangis, saya menyanyi sepuas hati dan satu perasaan tenang hadir dalam diri saya. Sememangnya, Roh Kuduslah yang menenangkan saya dan memberitahu saya bahawa saya boleh dipulihkan daripada apa yang telah berlaku sewaktu saya kecil.

Perdamaian keluarga

Saya tahu bahawa saya harus memohon pemaafan daripada ibubapa saya kerana meninggalkan rumah secara mendadak begitu dengan alasan yang saya berikan itu. Walaupun mereka bukan penganut Kristian, mereka tahu bahawa jalan homoseksual bukanlah mudah. Saya terkejut apabila mendapat tahu bahawa mereka tidak pernah bercakap buruk tentang saya kepada saudaramara yang selalu menanyakan saya ketika saya tidak hadir di perjumpaan keluarga. Dengan cara mereka yang tersendiri, keluarga saya telah menghormati saya.

Pada suatu tahun, kami meraikan hari Ibu Bapa bersama adik-beradik saya. Saya memutuskan untuk mengadakan sesi penghargaan untuk memberitahu ibu dan bapa betapa kami menyayangi mereka. Sejauh mana yang saya yakin untuk meminta maaf, sejauh itulah yang saya masih teragak-agak. Saya pun merancang untuk hanya memberi ucapan yang biasa sahaja, iaitu "Terima kasih kerana membesarkan saya." Tetapi Roh Kudus mendesak saya untuk mengatakan "Maafkan saya" sebaliknya. Sekuat mana saya menolak, lebih kuat lagi dorongan Tuhan, dan saya sedar bahawa ketaatan saya mampu mengubah segala-galanya. Saya pun memohon maaf dan ibu saya berkata dengan singkat, "Tidak mengapa,

Tidak musnah, tetapi terpilih

itu adalah kisah yang silam.” Walaupun ayah hanya mendengar dengan diam, saya dapat melihat air matanya bergengam dan bahasa badannya menunjukkan bahawa luka yang telah dilaluinya itu terlalu mendalam.

Pada hari itu juga, saya seperti dilahirkan semula. Saya boleh katakan bahawa itulah detik yang saya betul-betul merasakan kebebasan. Saya memutuskan untuk tidak berpegang pada masa silam yang menyakitkan itu. Ibubapa saya bukanlah sengaja tidak mahu membela diri saya—pada ketika itu, mereka cuma tidak mengetahui cara untuk menangani keadaan itu. Sejak hari itu, semua benteng antara kami lenyap dan sekarang saya benar-benar menikmati hubungan sejati dengan keluarga.

Belajar semula bahawa lelaki dicipta menurut imej Tuhan

Sesungguhnya, Tuhan telah menjadikan lelaki dan wanita, dan itulah sungguh baik. Tetapi saya tidak pernah melihat kaum lelaki sebagai orang yang saya dapat dekati, dan saya masih mempunyai persepsi negatif terhadap mereka. Bagaimanakah Tuhan dapat menolong saya? Dengan meletakkan saya di kalangan mereka!

Pada ketika itu, saya telah bersedia menghadapi kehidupan baharu dan saya juga sedang mencari kehendak Tuhan dalam hidup, lalu Dia menawarkan pekerjaan sepenuh masa di gereja saya. Saya terpaksa melaporkan diri kepada seorang pastor yang juga seorang lelaki dan dia meletakkan saya dengan tugas yang memerlukan saya bekerja dengan sekumpulan lelaki.

Aduh! Saya sangat takut kerana saya tidak tahu bagaimana mahu bercakap, berhubung, atau memahami kaum lelaki tetapi saya tidak mempunyai pilihan. Walau bagaimanapun rakan-rakan sekerja saya semuanya lelaki yang sudah berkahwin, jadi saya rasa (lebih) selamat, dan semakin lama saya bekerja dengan mereka, fikiran saya mula berubah. Saya memberi peluang kepada diri saya untuk mempelajari semula siapa itu lelaki yang sebenarnya yang dicipta oleh Bapa Syurga kita. Memang tidak wajar bagi saya menyamakan semua lelaki dalam satu kategori hanya kerana ada beberapa orang di antara mereka yang telah melakukan kesalahan. Kini, saya lega dapat menjalinkan persahabatan yang sihat dengan lelaki, malah, hasrat untuk berkahwin telah terbuka di dalam diri saya sekiranya ada lelaki yang sesuai hadir dalam hidup saya!

Dipanggil berkhidmat di PLUC

Pertama kali saya mengetahui tentang PLUC adalah semasa saya masih bekerja di tempat komersial. Pada suatu hari, semasa Kebaktian Ahad, saya menerima satu risalah mengenai bengkel menangani masalah LGBT, yang dianjurkan oleh PLUC. Saya tidak berminat langsung untuk mengikuti bengkel itu. Tetapi, pada hari bengkel tersebut ada suara menyadap yang mendesak saya untuk terus menghadirinya walaupun saya tidak mendaftar. Saya pula, belum mengambil cuti kerja dan saya memberitahu Tuhan bahawa jika bos saya berada di pejabat ketika saya tiba, saya akan meminta kebenarannya untuk mengambil cuti dan sekiranya dia memberikan izinnya, saya akan pergi menyertai bengkel itu. Saya sungguh yakin bahawa ini tidak akan berlaku kerana bos saya tidak pernah datang awal, tetapi kamu cuba teka apa yang berlaku? Bila saya buka pintu pejabat, dia sudah berada di sana! Sebagai orang yang berprinsip,

Tidak musnah, tetapi terpilih


saya menepati janji saya kepada Tuhan dan meminta izin bos untuk mengambil cuti. Apabila saya pergi ke bengkel itu, saya hanya duduk diam di satu sudut sana.

Selepas itu, saya mendapat banyak ilham, berulang kali, yang mendorong saya menceburkan diri dalam pelayanan khusus ini. Namun, saya menganggap inilah tempat yang terakhir, jika sama sekali semua rancangan terbuntu, yang saya ingin sertai! Saya fikirkan dan beranggapan bahawa apabila mendengar orang lain bercerita tentang pengalaman LGBT mereka yang tersendiri, ini berkemungkinan besar akan menyegarkan memori saya semula tentang hal silam diri saya dan saya sebenarnya tidak sanggup atau berminat untuk melayani kemungkinan itu. Walau bagaimanapun, suara dorongan itu terlalu sukar untuk diabaikan dan oleh kerana saya tidak tahu bagaimana untuk terus menghadapinya, saya meminta nasihat daripada pastor saya. Dia mencadangkan agar kami duduk bersama PLUC untuk meninjau bagaimana saya boleh mengambil bahagian dalam pelayanan ini.

Kami berjumpa dengan Reverend Tryphena, tetapi PLUC tidak mempunyai dana untuk membayar gaji -sedangkan Reverend sendiri tidak menerima gaji yang penuh dan tetap. Kemudian, pastor saya meminta saya bekerja sepenuh masa dengan gereja lokal kami dan dengan itu saya boleh juga menjadi sukarelawan dengan PLUC. Gereja akan membekalkan saya dengan fleksibiliti di mana saya dapat menunaikan tugas bagi kedua-dua pekerjaan saya ini dan tidak terikat kepada syarikat komersial yang boleh membataskan masa saya untuk belajar dan melibatkan diri di PLUC.

Saya masih bukanlah seorang pengunjung gereja yang tetap pada masa itu. Saya berpendapat bahawa gereja mempunyai terlalu banyak 'peraturan' dan saya tidak suka akan cara gereja bertindak semasa melakukan sesuatu. Saya bertanya kepada pastor saya mengapa dia meminta saya bekerja sepenuh masa sedangkan saya bukanlah ahli gereja yang sangat komited? Dia mengatakan bahawa dia sendiri pun tidak tahu tetapi dia ada memohon kepada Tuhan supaya memimpinnya dengan kata-kata yang harus dia sampaikan kepada saya ketika kami pergi untuk berbincang dengan Reverend Tryphena. Lalu dia terimbas menawarkan kerja itu kepada saya.

Walau apa sekalipun, saya yakin semua ini bukanlah suatu kebetulan dan setelah banyak berdoa, saya akhirnya menjadi pekerja sepenuh masa di PLUC. Pada musim berikutnya, saya tidak mendengar apa-apa lagi daripada Tuhan, jadi saya terus menceburi di dalam bidang ini. Tuhan sememangnya pemurah dan mengurniakan hati dan minda baharu kepada saya dan memberi peluang kepada saya untuk melayani dengan berkongsi kebenaran-Nya dan kasih-Nya mengenai identiti jantina dan hal seksual melalui PLUC.



²Janganlah
ikut cara dunia,
sebaliknya
berubahlah menurut
pembaharuan fikiranmu.
Dengan demikian, kamu
dapat memastikan apa
kehendak Allah itu, apa
yang baik, yang diredai-
Nya dan yang sempurna.

Roma 12:2

Pembaharuan fikiran

Zaman kanak-kanak sangat bahagia bagi E, tetapi semua itu berubah semasa beliau menjadi remaja. Keadaan keluarga menjadikannya kuat dan berdikari, dan dia tidak pernah cuba membebankan mereka dengan konflik emosional dan kekeliruan jantina dirinya. Dengan pergelutan ini tidak dikendalikan dengan baik dan konflik ini tidak diterangkan dengan jelas, semasa beliau dewasa, isu ini hampir membawanya ke ambang homoseksual. Namun begitu, E selalu merasakan seolah-olah adanya sesuatu benang yang mengikat pada dirinya, yang menariknya kembali kepada kebenaran dan cahaya Tuhan.

Nama individu tertentu dalam cerita ini telah diubah demi melindungi kerahsiaan peribadi mereka.

Di sekolah perempuan, meminati pelajar perempuan yang lain adalah suatu kebiasaan. Saya pula memandangi tinggi akan budak-budak yang berperangai agak *tomboi*. Saya cuba berlagak seperti budak lelaki, menyimpan rambut pendek dan berperangai sedikit liar kerana pelajar-pelajar lain kelihatan seperti mereka sukakan karakter sebegini. Saya juga tertarik kepada pelajar yang sentiasa nampak tenang, dan agak sombong - mereka tidak mudah dirapati sebagai kawan dan dianggap berada di *tahap yang lebih tinggi*. Pencapaian pelajaran saya di sekolah sederhana sahaja, saya pula sedikit montel, dan seorang yang agak janggal apabila bersosial.

Setiap kali adanya perempuan yang saya anggap lebih baik daripada saya menghulurkan persahabatannya, saya akan menerimanya dan sentiasa bersama dengannya ke sana ke sini. Setiap tahun, saya akan bertukar kawan karib dan saya sangat menyayangi mereka. Saya akan berusaha menyertai mana-mana kelab yang mereka sertai, sama ada saya minat atau tidak akan kelab itu. Saya amat menyukainya kalau mereka meminta pertolongan saya kerana itu akan mengesahkan nilai peribadi saya. *Malah mereka yang popular juga memerlukan saya.*

Namun begitu, saya tidak mengenali siapa diri saya yang sebenar dan ini mengakibatkan zaman persekolahan menengah saya itu menjadi satu tempoh yang saya merasakan kesunyian bersendirian sahaja. Saya juga mengalami pelbagai emosi yang berbolak-balik selama bertahun-tahun yang saya sendiri tidak tahu bagaimana hendak menguruskannya dan saya juga tidak mempunyai sesiapa yang saya boleh mengadu. Saya terasa dukacita dan keliru apabila M tiba-tiba sahaja berhenti bercakap dengan saya dan menjauhkan dirinya. Saya terasa malu pula apabila saya ditangkap memanjat tembok sekolah untuk mengelak aktiviti kokurikulum hanya kerana saya ingin menarik perhatian S yang sememangnya seorang yang kuat memberontak di sekolah. Saya juga terasa

terseksa apabila K menjatuhkan air muka saya di hadapan kawan-kawannya yang popular padahal dalam diam-diam sebelum itu, dia menghantar nota dengan mesej yang manis-manis belaka dan bersama hadiah-hadiah kecil yang comel kepada saya. Bila saya fikirkan lagi, mungkin dia berbaik dengan saya kerana saya ini dianggap sebagai orang suruhannya. Tambahan pula, saya terdengar seorang lain berkata bahawa saya sentiasa membuntuti K seperti anjing - ini mematahkan hati saya. Saya terkejut bila J mencium pipi saya semasa permainan rawak di dalam kelas. Saya juga melalui satu kejutan budaya apabila menonton adegan intim antara dua perempuan di DVD yang dipinjamkan oleh rakan saya.

Saya mula menyedari akan keghairahan fizikal dan tidak lama kemudian saya mula memuaskan nafsu diri. Saya mula menerokai tubuh diri dengan cara melancap. Saya mula berangan-angan pada waktu malam untuk mengalih perhatian daripada semua peristiwa lalu yang melukakan hati itu, dan melancap untuk membantu saya masuk tidur. Apabila persekolahan menengah berakhir, saya berasa sangat lega dan tidak sabar untuk meninggalkan kampung halaman dan sekali gus meninggalkan tahun-tahun yang telah membawa kesedihan kepada saya ini.

Masalah terselesai, atau mungkin itu tanggapan saya sahaja

Semuanya baharu di universiti, dan saya mendapat ramai kawan baharu. Mereka menyangka saya ini orang yang suka bergaul dan popular kerana saya nampaknya seperti mengenali ramai orang yang berlainan - dari pelajar yang mengikuti kursus yang berbeza sehinggalah kepada mereka yang tinggal di asrama-asrama lain. Ini membuatkan saya berasa lebih yakin dengan diri sendiri.

Walaupun adanya satu atau dua gadis yang saya rasa lebih rapat dengan saya, hubungan itu tidak mendalam seperti yang terdahulu kerana saya selalu ada sahaja perkara-perkara lain yang saya ingin lakukan. Saya juga tidak mempunyai masa untuk khayalan seksual (empat orang berkongsi satu bilik adalah satu penghalang yang berkesan). Saya menganggap tarikan emosi yang amat asyik terhadap perempuan semasa di sekolah hanyalah satu fasa dalam hidup saya dan dengan itu, saya melalui pelajaran ijazah di universiti sehingga tamat tanpa sebarang gangguan isu seperti itu.

Selepas sahaja tamat pengajian, saya mula bekerja. Memang banyak perkara yang saya perlu pelajari di tempat kerja, dan saya juga memerlukan banyak bantuan untuk mempelajari cara hidup yang baharu. Selepas satu tahun, kami mendapat rakan sekerja yang baharu, seorang graduan baharu yang nampaknya kurang jelas dan kurang yakin terhadap banyak perkara. Saya kasihani dia dan terus menawarkan pertolongan. Dia amat menghargainya dan dia berkelakuan seperti orang yang naif, dan ini sungguh menawan hati saya. Kalau ada apa-apa masalah, memang sayalah orang pertama yang dia akan cari. Jadi, semuanya bermula sekali lagi, saya jatuh hati kepadanya dan bermulalah ikatan emosi saya kepadanya.

Bos saya seorang *gay* dan mentor saya seorang *lesbian* dan mereka senang dengan pilihan hidup mereka, dan ini membuat saya tertanya-tanya tentang kecenderungan seksual saya sendiri. Untuk mendapatkan kepastian, saya mula mencari kisah-kisah orang yang sudah terlepas bebas daripada masalah ini. Suatu malam, saya tidak dapat tidur, lalu saya berbual dengan mentor sekerja saya. Saya berkongsi bagaimana gadis-gadis tertentu boleh membuat saya merasa sentimental dan mungkin perasaan ini menjadikan saya seorang yang *gay*? Dia tidak cuba mendorong saya ke arah itu, sebaliknya dia hanya berkata, "Buatlah apa sahaja yang kamu rasa sesuai untuk diri kamu. Oleh kerana kamu masih tercari-cari jawapannya, saya tidak seharusnya meletakkan apa yang saya sendiri rasakan sesuai ke atas kamu, lalu cuba mempengaruhi keputusan kamu." Pada ketika itu, kalaulah dia mengeyakan persoalan saya dan mendorong saya untuk mencubai gaya hidup itu, saya pasti yang saya akan terus melompat masuk ke dalam alam itu, kerana idea itu sudah bertahun-tahun lamanya bertapak di dalam diri saya.

Suatu hari, rakan sekerja saya yang baharu itu mengatakan bahawa dia sebenarnya takut dengan saya. Dia takut dengan cara saya menyentuhnya yang keterlaluan penyayang dan kadang-kadang berbuat baik kepadanya yang melebihi jangkaan. Barulah saya sedar yang tindakan saya itu sudah keterlaluan dan mungkin sayalah salah satu sebab yang mengakibatkan dia meninggalkan syarikat itu tidak lama kemudian. Konfrontasi itu menyebabkan saya berfikir dengan bersungguh-sungguh untuk mencari jawapan, maka saya menulis kepada PLUC.

Sebenarnya, saya hanya ingin tahu sama ada saya seorang yang *gay* atau tidak, dan hanya mahu mengikuti satu (atau dua) sesi sahaja dan kemudian barulah saya akan memutuskan apa yang saya perlu lakukan seterusnya. Ternyata, 'diagnosis'nya bukan pasal homoseksualiti tetapi 'keterikatan/kebergantungan emosi' dan ianya bukanlah terjadi dalam sekelip mata. Selalunya ianya terdampak dari ulangan kejadian demi kejadian dari zaman kanak-kanak yang akan menguatkan lagi impak kelakuan seperti itu.

Pemangkin ketergantungan emosi

Melalui sesi-sesi dengan PLUC tersebut, saya menyedari bahawa ibu saya sebenarnya sangat bergantung kepada saya secara emosi disebabkan dua faktor: sejarah perubahan saya dan keadaan kewangan keluarga saya.

Pada suatu ketika dahulu, dengan tiba-tiba, kesihatan saya telah merosot, saya dimasukkan ke hospital dan ini mengakibatkan ibu saya mengalami satu trauma yang meninggalkan kesan yang mendalam baginya. Selepas itu, ibu kerap berasa cemas kalau saya menunjukkan ketidakselesaan dalam bentuk apa sekali pun. Malah hanya dengan mengatakan bahawa 'saya letih', ini sudah memadai untuk membuatnya risau. Saya akan mengelak daripada memberitahunya jika saya berasa kurang sihat kecuali saya tiada pilihan. Ini menjadikan saya beranggapan bahawa jika adanya sesuatu yang buruk berlaku kepada saya lagi, ibu saya bermungkinan besar akan jatuh pengsan.

Disebabkan perniagaan ayah mengalami kerugian teruk, dia pula ditenggelami hutang. Dia berusaha menyelesaikannya dengan menggunakan pinjaman kad kredit, pinjaman daripada rakan, ceti haram, dan berjudi. Apabila dia akhirnya mendedahkan situasi itu kepada ibu, jumlah hutang itu sudah pun menggunung, dan ibu menyerahkan banyak wang simpanannya. Semenjak itulah, keluarga saya yang merupakan sebuah keluarga yang cukup selesa dalam aspek kewangan dengan kategori kekayaan sederhana, terpaksa menjual semua kereta kami yang berjenama Jepun dan hidup dengan berjimat cermat. Ibumapa saya terpaksa hidup membuat kerja tambahan setiap malam dan terpaksa berkira setiap sen yang hendak dibelanjakan. Ini bukanlah kehidupan yang ibu bayangkan bagi seorang wanita yang berumur pertengahan 40-an.

Suasana di rumah menjadi agak tegang. Sebagai anak sulung, saya pula bertanggungjawab untuk memastikan makan malam tersedia di atas meja, rumah sentiasa bersih, dan mengaturkan barang serta jadual sekolah untuk diri sendiri dan adik perempuan saya. Kami jarang bercakap dengan ibubapa kerana mereka bekerja hingga lewat malam. Tetapi bila sahaja kami berpeluang untuk bersembang, ibu pula akan meluahkan perasaannya kepada saya. Dia menyalahkan ayah dan mengatakan bahawa ayahlah yang menyebabkan kami berada dalam keadaan ini. Saya rasakan seperti saya tidak layak untuk menceritakan masalah saya kepada mereka, berbandingkan masalah yang ada dalam tanggungan mereka, kerana saya tidak mahu membebani mereka dengan bebanan tambahan.

Mencari harga diri tetapi pada tempat yang salah

Jadi, saya pun beralih kepada budak-budak perempuan yang lain. Dalam masa ini yang saya sudah belajar berdikari dengan mengurus rumah, saya menggunakannya sebagai ukuran nilai pada diri saya. Kalaulah saya menjadi orang yang boleh diharapkan dan berguna, orang ramai akan mahu berkawan dengan saya. Itulah sebabnya saya akan beria-ia menolong orang lain, kadangkala tanpa diminta, dan menghabiskan terlalu banyak masa untuk memikirkan cara untuk membuatkan gadis-gadis lain gembira dan membuatkan mereka ingat kepada saya.

Saya juga sedar bahawa saya sukar untuk mengatakan TIDAK kepada permintaan orang lain. Sekiranya saya adalah orang pertama yang diminta pertolongan, saya akan menjawab "ya" walaupun saya tidak seberapa minat untuk melakukannya. Saya tidak mahu mereka menghadapi kerumitan di mana mereka kena terus mencari pertolongan orang lain pula. Sejujurnya, keinginan saya untuk sentiasa diperlukan oleh orang lain telah melangkaui kejujuran saya dan saya sering melakukan sesuatu itu dengan tidak ikhlas. Untuk menyedapkan hati sendiri, saya selalu memandang serong kepada orang yang berani mengatakan TIDAK kepada permintaan orang lain. Pada saya, mereka hanya mementingkan diri sendiri dan saya bukan seperti mereka.

Saya juga takut kalau saya menjadi seorang yang tidak disukai oleh orang lain. Terlintas dalam fikiran saya bahawa ibu saya juga mempunyai sikap yang sama - dia sentiasa memberi gambaran kepada kami bahawa kami harus tunduk kepada kemahuan orang lain agar dapat mengekalkan suasana aman dan kami tidak seharusnya mencetuskan kemarahan orang lain. Cara pemikiran ibu

banyak dipengaruhi oleh keluarga dirinya yang kuat mengarahkan orang lain dan mudah mempelawa orang lain mengetepikan seseorang. Jadi ibu telah memilih jalan yang tidak berkonfrontasi agar hidupnya berjalan dengan lancar. Sistem kepercayaan saya yang terpesong ini berpusat pada semangat berusaha untuk menjadi orang yang terbaik demi mendapatkan pengesahan dan disukai orang ramai dengan segala cara, dalam setiap situasi. Saya tiada pendirian sendiri dan PLUC adalah tempat pertama di mana saya belajar tentang batasan pergaulan dan kepentingannya demi menjaga kesihatan emosi diri saya.

Ke arah penyembuhan

Saya sangkakan bahawa isu keterikatan emosi dalam diri saya ini akan selesai setelah saya mengetahui sebab musababnya, dan saya juga yakin bahawa saya akan lebih mudah mengesan tanda-tandanya dari awal. Padahal kesannya, saya telah bermula terlalu yakin kepada diri sendiri, dan hubungan saya yang seterusnya akan menjadi lebih sukar dan mengambil masa yang lebih lama untuk sembuh. Apabila menyedari akan masalah saya ini, saya berkongsi tentangnya secara terbuka. Teman perempuan saya itu mendengar dengan hati yang terbuka dan dipenuhi dengan kasih sayang dan saya pula berusaha supaya lebih berhati-hati agar tidak melangkaui batasan sendiri. Kawan-kawan akan bertengkar, itu adalah sesuatu yang universal, tetapi saya selalu akan menyalahkan diri sendiri terlebih dahulu dan mengambil langkah pertama untuk meminta maaf, walaupun tiada keperluan untuk berbuat demikian. Saya terlalu takut akan kehilangannya.

Beberapa tahun yang lalu, teman perempuan saya itu telah memberitahu saya bahawa dia telah memutuskan untuk mengawal profil dirinya rendah supaya tidak diketahui oleh orang ramai. Kadang-kadang saya akan

menanyakan khabarnya tetapi dia sering tidak menghiraukan saya, maka jurang antara kami berdua menjadi lebih besar, sehinggakan saya tidak dapat menahan dan rasa bagaikan diri saya diperlekehkan. Saya sedar bahawa saya telah melakukan apa sahaja yang diperlukan untuk mengekalkan persahabatan itu dan kini saya memutuskan untuk melepaskannya. Satu-satunya hal yang saya boleh lakukan hanyalah berserah kepada Tuhan, tidak mencerca diri saya atau menyalahkan teman saya. Saya telah belajar untuk menerima bahawa persahabatan itu ada musimnya dan saya juga ingin mempercayai bahawa ada hikmahnya di sebalik semua itu, walaupun perjalanannya naik turun seakan-akan menaiki '*roller-coaster*'.

Selepas semua itu berlaku, saya memikirkan tentang semua persahabatan saya yang lepas dan terkenangkan orang pertama yang menjauhkan dirinya daripada saya. Saya tidak pernah tahu apa kesalahan saya pada masa itu. Adakah saya yang menjadikan dia trauma? Adakah saya yang mengakibatkannya tidak percaya kepada orang lain? Saya tidak tahu, tetapi saya rasa jika saya meminta maaf kepadanya, mungkin akan membantu diri saya sembuh, dan itu mungkin akan membantu diri dia juga. Kami hanya berkawan di media sosial walaupun kami tidak pernah berkomunikasi semuka. Saya berasa amat janggal untuk mengungkit perkara yang lampau itu tetapi saya rasakan permintaan maaf itu perlu diusahakan dan saya nekad untuk melakukannya. Saya menulis kepadanya untuk meminta maaf di 'Facebook messenger', dan selepas melakukannya, saya terasa seperti beban yang saya pikul selama lebih dua puluh tahun itu telah hilang lesap begitu sahaja.

Saya mula berbincang perlahan-lahan dengan ibu juga apabila dia mengharapkan saya melakukan apa-apa untuk mengekalkan nilai dirinya di kalangan adik-beradiknya. Saya berkongsi dengan ibu mengenai had

batasan dan bahawa kami tidak akan dapat memuaskan hati semua orang dengan mengorbankan diri sendiri. Sikap ingin memuaskan hati orang lain hanya akan membuatkan diri sendiri menjadi lesu atau sedih kerana bukan semua orang akan mengenal atau menghargai pengorbanan kita. Sekarang, ibu tidak lagi menggunakan autoritinya sebagai “emak” apabila dia inginkan saya melakukan sesuatu untuknya tanpa bantahan, memandangkan ini kerap menjemput perbalahan yang tidak diperlukan. Dia hanya akan bertanya jika saya mahu melakukannya.

Setakat yang saya menulis ini, emosi saya boleh dikatakan cukup stabil. Jika tidak, saya tidak akan dapat menyampaikan cerita saya ini dengan tersusun. Saya tidak pasti sama ada saya sudah menang dalam pertempuran ketergantungan emosi saya kerana akhir-akhir ini tiada sesiapa yang dapat mengusik hati saya. Namun begitu, kesedaran diri adalah kunci—dan kita haruslah sentiasa berwaspada, terutamanya apabila menghadapi persahabatan baharu, tidak kira perempuan atau lelaki. Apa yang saya yakin adalah Tuhan itu adalah sebaik-baiknya, dan Dia akan sentiasa menegur dan mengingatkan saya jika saya tersalah arah, dan saya harap saya tidak akan pergi terlalu jauh dari-Nya.

²⁵Aku akan memulihkan bagimu tahun-tahun yang dilahap oleh belalang besar, belalang pemusnah, dan belalang pengerat, yaitu pasukan-Ku yang besar, yang telah Kukirimkan kepada kalangan kamu. ²⁶Kamu akan makan banyak-banyak sampai kenyang dan memuji nama TUHAN, Allahmu, yang telah melakukan keajaiban untukmu. Umat-Ku tidak akan dimalukan lagi untuk selama-lamanya. ²⁷Kamu akan mengetahui bahwa Aku hadir di tengah-tengah Israel, bahwa Akulah TUHAN, Allahmu, dan tidak ada yang lain. Umat-Ku tidak akan malu lagi untuk selama-lamanya.”

²⁸Setelah itu, akan berlaku, bahwa Aku akan mencurahkan Roh-Ku ke atas semua manusia, sehingga anakmu lelaki perempuan akan bernubuat, orang tuamu akan bermimpi, dan orang mudamu akan melihat penglihatan. ²⁹Juga ke atas hamba-Ku lelaki perempuan, Aku akan mencurahkan Roh-Ku ketika itu.

³⁰ akan menunjukkan keajaiban di langit dan di bumi, darah dan api, serta kepulan-kepulan asap. ³¹Matahari akan menjadi gelap dan bulan menjadi seperti darah sebelum tiba hari TUHAN yang besar dan dahsyat itu.

³²Maka akan terjadi kelak, semua orang yang menyeru nama TUHAN akan diselamatkan. Di Gunung Sion dan di Yerusalem akan ada orang terselamat, seperti yang telah difirmankan TUHAN, dan dalam kalangan yang tertinggal itu akan ada mereka yang akan dipanggil oleh TUHAN.

Yoel 2:25-32

Memulihkan tahun-tahun yang telah disia-siakan

Sejauh mana yang dia boleh ingat, Tryphena sentiasa berusaha menjadi seorang anak yang baik dalam keluarganya, seorang kawan yang sejati selama-lamanya, seorang insan yang tidak pernah gagal, dan juga seorang Kristian yang Tuhan berkenan kerana ibadahnya yang tidak pernah kenal lelah. Dia kelihatan cukup gembira dalam kehidupannya, tetapi satu peristiwa putus cinta yang dahsyat berlaku, menghancurkan dunianya. Lalu luka-luka masa lampau muncul kembali, namun Tuhan memberikan petunjuk bagaimana sekian lama ini dirinya hanya hidup dalam pembohongan dan memberikan arah tuju kepadanya agar dia dapat mengalihkan jalan hidupnya mengikuti cara yang Tuhan redai.

Kalaulah hipokrasi mempunyai skala pengukuran, saya pasti yang saya akan berada di tahap yang paling tinggi - saya melayani di gereja sambil hidup dalam dunia homoseksual. Mungkin saya sebenarnya cuba menebus dosa jijik saya dengan menuntut pertukarannya dengan kasih kurnia Tuhan melalui kesungguhan pelayanan saya. Tiada siapa pun yang perlu mengetahui hal saya asalkan pelayanan saya memanfaatkan gereja dan komuniti, betul?

Saya berada di kolej latihan perguruan ketika saya mula berjinak dengan gaya homoseksual. Ia bermula dengan ketergantungan emosi. Pada masa itu, saya kurang stabil secara emosi dan Anna akan selalu mendengar keluhan saya. Sentuhannya amat selesa bagi saya dan kemudian, ia menjadi sesuatu yang saya idamkan. Lama kelamaan, saya tertarik kepadanya. Akhirnya, hubungan kami menjadi lebih lanjut dengan yang fizikal dan dia telah memberitahu kawan kami, Jean, tentang hubungan kami berdua.

Suatu hari, semasa Jean dan saya sedang dalam perjalanan ke satu tempat, dia bertanya kalau saya ada mengalami konflik tentang tarikan sesama jenis, dan saya menjawab, "Ya." Dengan tidak semena-mena, Jean telah meraba saya, seolah-olah mahu membantu saya meninjau jika saya benar-benar mahu menjadi *lesbian*. Sebaliknya, perbuatannya itu hanya menyedarkan saya akan keperluan saya yang lebih peka kepada kemahuan seksual.

Untuk pengetahuan anda, semasa saya berusia enam tahun, ada seorang jiran perempuan telah baring di atas saya dan mencium bibir saya. Itulah pengenalan seksual awal bagi saya. Kemudian, saya belajar melancap dengan menggosok bantal peluk di celah kelangkang - ibu dapat

tahu akan perbuatan saya itu dan menyuruh saya berhenti melakukannya tanpa sebarang penjelasan. Saya juga menemui bahan pornografi yang disorok oleh ayah di rumah tanpa sengaja. Dengan itu, saya menjadi sedar akan kepuasan seksual pada usia yang sangat muda lagi.

Bila Jean menyentuh saya, saya berasa ghairah dan saya mula tertarik kepadanya. Anehnya, dia juga jatuh cinta pada saya dan kami mula berpasangan, tetapi akhirnya, dia menyedari itu bukanlah apa yang dia inginkan, dan kami menamatkan hubungan kami. Saya memutuskan untuk berhenti daripada melayani nafsu sendiri dan juga hubungan homoseksual secara praktikal kerana saya tahu bahawa semua itu tidak disukai Tuhan dan ia juga bertentangan dengan prinsip moral saya sendiri.

Gagal lagi, dan lagi

Namun demikian, saya tidak mempunyai apa-apa rancangan yang kukuh agar saya dapat betul-betul berhenti berdating dengan perempuan. Saya tidak memberitahu sesiapa pun mengenai pergelutan saya itu, maka saya tidak mendapat sebarang sokongan yang sesuai untuk memastikan yang saya akan berjaya dalam menghentikan semua itu. Satu-satunya perkara yang saya lakukan untuk menentanginya adalah dengan menyibukkan diri dalam kerja. Saya telah menerima penempatan perguruan saya dan saya terlibat dalam jadual pengajaran, bukan sahaja di dalam kelas tetapi juga terlibat melatih pelajar untuk bersukan. Saya juga aktif melayani di gereja tempatan. Dengan berbuat demikian, semua godaan kepada tarikan sesama jenis bagaikan sudah lenyap.

Datang pula, seorang rakan sekerja, Kate, menyewa sebuah bilik di rumah yang saya diami. Kami tidak bercakap banyak di sekolah kerana saya sangat sibuk dan dengan tidak sengaja, telah menampilkan kelakuan seperti saya tidak berminat untuk berkawan dengan orang lain.

Suatu malam, Kate memberitahu saya bahawa ada sesuatu yang 'menggangu'nya dan dia takut tidur bersendirian di biliknya. Saya pun mengajaknya tidur di bilik saya. Seterusnya, dia tidur di bilik saya selama beberapa malam. Saya memegangnya dan memeluknya, sebagai cara untuk menenangkan ketakutannya. Sementara itu, saya juga mula mencurahkan hal keluarga saya yang tidak sempurna kepada Kate dan saya dapat tahu bahawa dia juga mempunyai latar belakang yang serupa. Tidak lama kemudian, godaan menjelma dan saya berkelakuan melampaui batas dengan Kate. Pada awalnya, dia terkejut, tetapi akhirnya kami berteman dalam percintaan selama lebih kurang satu tahun.

Kemudian saya meninggalkan pekerjaan sebagai guru dan menyertai kolej Alkitab tanpa menghiraukan yang Kate akan sunyi bersendirian atau apa pendapatnya tentang keputusan saya itu. Saya tegar untuk menyertai kolej itu dan dia tidak mampu melakukan apa-apa untuk menentang. Sambal di kolej Alkitab, saya masih pergi mengunjunginya pada hujung minggu dan dia juga ada membantu saya dari segi kewangan - demikianlah betapa banyaknya dia berkorban untuk mempertahankan hubungan kami.

Wahai, berlakunya satu kejutan di kolej Alkitab, saya berkenalan dengan seorang penuntut gadis senior yang bernama Xuan. Dia sememangnya jenis perempuan yang saya minat, penuh dengan aura misteri dan keanggunan.

Saya amat tertarik kepadanya. Kami bersembang dan menyedari bahawa kami mempunyai tahap pemikiran yang sama. Kami gemar saling usik-mengusik sesama sendiri dan juga berbincang perkara yang mendalam. Pada satu semester, dia ditempatkan di bilik yang sama dengan saya di asrama dan kami saling mengenali dengan lebih rapat lagi. Ternyata ada keserasian yang ketara antara kami, tetapi hubungan kami hanyalah platonik kerana dia sudah mempunyai teman lelaki karib dan pada masa itu juga saya masih menghubungi dan berjumpa dengan Kate.

Keadaan menjadi lebih rumit apabila ibu saya terlantar di hospital, dan saya berasa amat risau. Xuan memastikan saya dijaga dengan rapi dari segi fizikal dan emosional terutamanya ketika Kate tidak dapat bersama dengan saya pada hari bekerja. Selepas ibu meninggal dunia, saya mengalami malam-malam yang penuh dengan kesedihan di mana saya akan terbangun dari tidur sambil menjerit atau menangis, dan Xuan akan menenangkan saya.

Keterikatan hubungan kami bertambah erat, dan perasaan cemburu saya nampak agak ketara apabila saya melihat teman lelaki karibnya. Apabila Xuan kembali ke bilik, saya akan berpura-pura tidur kerana kemarahan saya yang tidak rasional terhadap teman lelaki karibnya. Xuan datang menjenguk saya dan memegang saya dan saya pun membalas... Begitulah cara kami memulakan hubungan kami. Selepas itu, barulah saya berpisah dengan Kate dan Xuan memutuskan hubungan dengan teman lelaki karibnya itu.

Kemudian, Xuan pergi ke luar negara untuk melayani, seperti yang didorong oleh pastornya. Saya masih berada di kolej Alkitab untuk menamatkan pengajian dan berikutnya saya menjadi seorang pastor. Kami berpegang kepada hubungan jarak jauh. Akan tetapi saya mulai sedar, lama-kelamaan, panggilan telefon dan e-melnya mulai berkurangan. Akhirnya, dia memberitahu saya bahawa dia akan berkahwin dengan seorang lelaki. Saya benar-benar patah hati. Kami mempunyai begitu banyak kenangan bersama dalam tempoh tiga tahun itu. Antara semua wanita yang telah bercinta dengan saya sekian lama, saya benar-benar percaya bahawa kami berdua ini mempunyai sesuatu yang istimewa disebabkan kepercayaan iman kami yang sama. Perasaan putus cinta itu mendorong saya ke titik hampir membunuh diri. Saya mula melayari laman-laman pornografi semula untuk mengubati kesepian saya dan saya juga melayari laman web janji temu berdating atas talian. Saya mula melayani hubungan seks bebas (ada juga dengan lelaki!) untuk mengisi kekosongan yang disebabkan cinta yang hilang, kepahitan memori yang lalu dan juga kemarahan yang tidak puas hati.

Titik transformasi

Perpisahan saya dengan Xuan memberi impak yang amat besar kepada saya. Saya tidak dapat terus melayani Tuhan sambil menjalani hidup bermuka dua lagi. Saya menelefon seorang yang saya anggap sebagai mentor dan berseru kepadanya, "saya seorang *lesbian*, walaupun saya seorang pastor." Air mata membasahi pipi saya dan dia hanya berkata "Yesus sayangkan kamu." Saya tidak dapat percaya bagaimana Tuhan boleh menyayangi seseorang yang sangat kotor seperti saya. Malah saya tidak tahu apa ertinya mencintai diri sendiri kerana saya sentiasa mencari pengesahan dan cinta di semua tempat yang salah. Saya hanya tahu jika saya tidak mencari jalan penyelesaian, saya akan terus tenggelam dalam dan lebih

dalam kerana ini bukanlah hidup yang saya idamkan.

Saya meletak jawatan daripada melayani di gereja dalam masa 24 jam dan berangkat ke Sabah untuk menghadiri satu retrit dan sebagai masa untuk penyembuhan. Semasa retrit itu, saya bertanya kepada Tuhan kalau saya boleh diperbetulkan dan menjadi cantik semula. Tidak lama kemudian saya memahami bahawa jika saya mahu diperbetulkan, saya harus menutup semua lubang-lubang gelap dalam hidup saya. Saya harus memaafkan jiran perempuan yang berbaring di atas saya pada waktu saya kecil dan kakaknya yang hanya membiarkan perkara itu berlaku kepada saya. Saya harus memaafkan kelakuan ayah yang tidak bertanggungjawab menyimpan bahan-bahan lucah dan membiarkannya dicapai dengan mudah. Saya harus memaafkan ibu kerana menjadikan saya sebagai 'suami pengganti' sejak saya berumur enam atau tujuh tahun. Setiap kali ibu naik berang, saya akan menenangkannya supaya dia tidak bimbang dan menyakinkannya bahawa saya akan menjaga dia.

Mungkin saya harus menceritakan sedikit tentang hubungan tegang saya dengan ibubapa. Saya tidak menganggap ayah saya sebagai tokoh ayah yang baik. Dia mempunyai tabiat berjudi yang telah merosakkan kewangan keluarga kami. Dia tidak tahu bagaimana menyimpan wang, tambahan pula dia bergaul dengan kawan-kawan yang tidak baik yang banyak menghabiskan masa lapang mereka dengan meminum minuman keras dan bermain judi sehingga wang mereka habis. Ibubapa saya selalu bergaduh tentang wang.

Selain daripada itu, ayah pula mempercayai khabar angin yang mengatakan bahawa ibu mempunyai hubungan dengan lelaki lain dan bahawa kami bukanlah anak-anaknya. Dia mengusir kami semua dari rumah dan ibu terpaksa menjaga empat orang anak bersendirian. Kami berpindah dari rumah ke rumah, mengikuti keperluan kerjanya. Oleh kerana saya anak sulung, ibu secara langsung menjadikan saya sebagai pembantunya dan tempat untuk dia melepaskan geram apabila dia berasa kecewa. Zaman kanak-kanak saya bukanlah suatu masa yang menyeronokkan.

Akhirnya, ibubapa saya berdamai dan memulakan satu perniagaan makanan. Malangnya, mereka kehilangan wang dalam satu skim pelaburan, dan ayah telah meminjam wang dari ceti haram (Ah Long). Kami hidup dalam ketakutan kerana Ah Long ini terkenal dengan taktiknya yang memeras ugut dan mengancam jika hutang itu tidak dilangsaikan. Malah saya terpaksa membantu mereka membayar hutang itu semasa saya mula mendapat elaun kecil dari kolej latihan perguruan.

Untuk meringkaskan cerita, saya memang rasakan kepahitan dalam diri kerana saya terpaksa banyak memikul beban ibubapa sejak usia yang muda walaupun masalah mereka itu bukanlah akibat daripada saya.

Mencari nilai diri

Saya percaya bahawa nilai diri saya telah dibentuk mengikuti cara ibu berinteraksi dengan saya. Jika saya mahukan kasih sayang daripada ibu, saya harus memperolehnya dengan memberikan pertolongan yang diperlukan dan menjadi anak sulung yang berkelakuan wajar kepada adik-adik.

Pada masa itu, saya tidak tahu siapa diri saya yang sebenar. Saya menganggap bahawa saya hanya mempunyai nilai diri jika saya tabah dan mampu melindungi orang lain. Bentuk tubuh saya yang lebih besar daripada budak perempuan lain serta rambut saya yang dipotong pendek dapat menyumbang sesuatu manfaat tentang imej luaran saya, tetapi agak terhad demi nilai dalam diri saya. Budak-budak perempuan di sekolah selalu berpaling kepada saya untuk mendapatkan 'perlindungan', walaupun hanya sekadar untuk pergi ke tandas. Dalam permainan yang memerlukan watak yang berbeza, saya selalu dilantik memegang watak pengawal atau polis tetapi tidak pernah dapat menjadi puteri. Saya seorang budak perempuan, namun tidak pernah dianggap atau dilihat sebagai seorang perempuan.

Walaupun saya pernah jatuh cinta kepada seorang lelaki tetapi dia hanya menganggap saya sebagai salah seorang teman '*lelaki*' nya. Dengan selamba dia memberitahu saya bahawa dia menyukai gadis lain. Dari situ, saya membuat kesimpulan bahawa orang lelaki hanya sukakan gadis yang kurus dan berambut panjang. Tambahan pula, ayah tidak memainkan peranannya sebagai bapa dengan baik. Dengan itu, saya mengatakan kepada diri sendiri bahawa jika tiada seorang lelaki pun yang mampu berakhlak baik, maka saya sendiri akan menjadi seorang yang lebih baik daripada lelaki supaya saya tidak memerlukan lelaki. Dan saya juga boleh menjadi '*lelaki*' yang diperlukan oleh teman wanita saya.

Selama bertahun-tahun, saya menjaga tingkah laku saya sebagaimana yang diharapkan oleh orang lain. Mungkin juga saya membuat andaian sendiri tentang apa yang mereka harapkan. Apa sahaja yang saya lakukan, saya akan melakukannya dengan mempersungguhkan ketekunan saya demi memastikan saya ini disahkan layak mendapat kedudukan yang wajar - tidak kira sama ada sebagai guru atau dalam pelayanan gereja. Saya hidup dengan satu kepercayaan yang serong bahawa berbuat sesuatu dengan baik dan cemerlang akan disamakan dengan disayangi. Saya sentiasa ketagih pujian yang berterusan dari pemimpin-pemimpin saya, kalau tidak, saya akan terasa seperti saya tidak bekerja sekuat mana sebagaimana yang diharapkan.

Suatu hari, semasa mengikuti satu sesi retrit senyap yang lain, Tuhan bertemu dengan saya dan meyakinkan saya bahawa identiti saya ada pada-Nya dan bukan bergantung kepada apa yang dinilai oleh orang lain. Pada ketika itu, saya sedar dan dapat menemui benteng kekuatan saya yang sebenar dan selepas dari itu, saya telah mengubah cara saya melakukan setiap sesuatu. Saya menjadi seorang yang kurang takut akan kegagalan dan mula meluahkan perasaan dengan lebih jelas lagi memandangkan pada masa yang lalu saya tidak mengizinkan diri untuk berkongsi perasaan yang wujud dalam saya kerana takutkan bagaimana orang lain akan menilai saya. Saya mempelajari bahawa penerimaan Tuhan mendahului segala hal duniawi yang lain, dan saya adalah cantik seperti diri saya yang sedia ada kerana Dia telah mencipta saya.

Kepastian dalam segala aspek

Sememangnya, saya telah menempuh perjalanan yang jauh dan saya tidak ragu-ragu bahawa pengalaman saya pada masa yang lalu, dengan tarikan sesama jenis dan hubungan homoseksual, telah membentuk saya secara langsung untuk bekerja dengan Tuhan pada ruangan pelayanan dalam bidang yang sama ini, melalui PLUC. Pada mulanya, saya tidak nampak PLUC sebagai tempat pelayanan yang tepat bagi saya.

Ketika itu, beberapa orang pengasas PLUC ingin meninggalkan tempat itu demi menempuh perjalanan mereka sendiri yang seterusnya, dan entah bagaimana saya menerima mesej bahawa mereka inginkan saya meneruskan pelayanan saya menggantikan mereka, walaupun saya bukan pengasasnya, kerana saya juga masih bekerja di situ. Selama sepuluh tahun pelayanan yang terawal, saya rasakan seolah-olah saya tidak ada pilihan. Walaupun bidang ini agak khusus dan pekerja-pekerjanya hanyalah seberapa, saya sentiasa mencari peluang untuk melepaskan pelayanan ini kepada orang lain. Saya rasakan sebegini kerana saya seperti bergerak seorang diri dan kebanyakan gereja dan institusi yang terkait dengan kami memandang saya sebagai satu-satunya wajah pelayan PLUC. PLUC selalu dilihat sebagai 'pelayanan Tryphena yang dia asaskan', padahal itu sama sekali tidak benar. Ini telah menjadi satu bebanan bagi saya, walaupun ia seharusnya menjadi satu pelayanan yang amat seronok dinikmati sambil melayani Tuhan.

Setelah sepuluh tahun berlalu, kepemimpinan tertinggi PLUC merasakan bahawa organisasi tersebut haruslah dirujuk sebagai PLUC dan bukanlah Tryphena walaupun dia selaku satu-satunya wajah pelayan PLUC yang ada.

'Bebanan' itu terus hilang, dan selanjutnya saya mengetahui dengan sangat jelas bahawa inilah tempatnya di mana Tuhan kehendaki saya melayani sekarang. Dia juga telah menghantar rakan sekerja yang hebat dan yang mempunyai hasrat hati untuk melayani golongan orang sebegini.

Sesungguhnya, saya amat bersyukur kepada Tuhan atas kasih kurnia-Nya yang membawa saya melalui perjalanan ini dan sentiasa bersama saya. Dia bersabar dengan saya kerana Dia mengetahui apa yang Dia kehendaki dengan hidup saya. Walaupun terdapat banyak liku-liku yang tinggi dan rendah, bersama dengan semua dosa yang saya telah lakukan, kebenaran itu tetap jelas—Yesus duduk bersama dengan orang-orang berdosa dan pemungut cukai dan masih menunjukkan Kasihnya kepada mereka. Walaupun kita berdosa dan melakukan kesilapan, Dia sentiasa menanti dan akan menjemput kita kembali kepadanya kalau kita bertaubat.

Kami ucapkan terima kasih yang tidak terhingga khusus kepada Yune Yee yang telah menemu bual semua penyumbang, menyusun kisah-kisah mereka, serta menguruskan reka bentuk dan penerbitan kreatif. Kami menghargai semua pencerita yang telah meluangkan masa mereka dan mendapat keberanian untuk berkongsi cerita-cerita mereka sebagai "Mereka Yang Mengatasi Cabaran: Terbuka, Lantang, dan Yakin".

Untuk berhubung dengan kami atau memahami selanjutnya tentang kerja kami, sila lawati www.pluc.org.my.